

فتیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"AGAMA Islam sebagai agama samawi, telah menjadikan Aidiladha sebagai landasan bagi umat Islam untuk mengambil ingatan serta pelajaran daripadanya." — Titah sempena menyambut Hari Raya Aidiladha 1414 Hijrah/1994 Masihi pada 20 Mei, 1994.



قلیتا برونی Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

ماتین ایمان

MANISNYA IMAN

"KALAU seorang kamu itu berjalan kerana hendak menolong saudaranya adalah lebih baik baginya daripada ia beriktikaf sebulan di masjidku." — Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 41 BILANGAN 17

RABU 24 APRIL, 1996

رابو 6 ذوالحجه، 1416

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Banharn Silpa-Archa dan isteri, Khunying Jamsai Silpa-Archa di Istana Nurul Iman yang mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Negara Brunei Darussalam.



Hubungan Brunei-Thailand erat

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 April. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Banharn Silpa-Archa dan isteri Tuan Yang Terutama, Khunying Jamsai Silpa-Archa di Istana Nurul Iman di sini.

Menurut siaran akhbar dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bahawa dalam perjumpaan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalu-alukan lawatan pertama Tuan Yang Terutama ke negara ini dan menyatakan yang hubungan persahabatan yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand amatlah dihargai.

Baginda juga seterusnya melahirkan rasa gembira atas hubungan sangat baik dan kerjasama antara kedua negara sama ada dalam urusan dua hala dan sebagai rakan dalam usaha-usaha serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang Terutama di istiadat mengadap itu ditemani oleh Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Amnuay Viravan dan isteri Khunying Samonsri Viravan; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Tuan M.R. Kasem

Oleh
Abdullah Asgar

S.Kasemsri dan isteri Khunying Rawadee Kasemsri dan Duta Besar Thailand ke negara ini Tuan Yang Terutama Tuan Prasat Man-suwan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong

Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Hadir sama ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria yang

juga Menteri Perhubungan dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar selaku menteri pengiring.

Ini adalah lawatan pertama Tuan Yang Terutama yang pertama ke negara ini sejak beliau menjadi Perdana Menteri. Tuan Yang Terutama mengetuai seramai 56 orang rombongan termasuk beberapa orang ahli perniagaan dan sektor swasta Thailand.

Lawatan rasmi PM Thailand

Oleh
Bolhassan HAB

sambil dimainkan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.

Tuan Yang Terutama kemudiannya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri dari 96 orang anggota Batalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di bawah perintah Mejar Taweh bin Abdullah.

Sejurus kemudian Tuan Yang Terutama dan isteri diperkenalkan kepada menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, ketua-ketua perwakilan asing dan setiausaha-setiausaha tetap bersama isteri masing-masing.

Duli Yang Teramat Mulia juga telah disembahkan kepada ahli-ahli rombongan yang menyertai lawatan Tuan Yang Terutama.

Perdana Menteri Thailand dan isteri berserta lebih 50

orang ahli rombongan termasuk Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Amnuay Viravan dan Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama M.R. Kasem S. Kasemsri tiba malam semalam bagi mengadakan lawatan rasmi tiga hari.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri serta rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah dialu-alukan oleh Menteri Perhubungan dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajjah Jusnani.

Juga hadir ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar, selaku menteri pengiring dan isteri, Datin Thuh Rosanah.

Lawatan Perdana Menteri Thailand itu bertujuan untuk memperkenalkan diri dan mengeratkan hubungan di antara negara-negara ASEAN.

Berangkat ke Upacara Penganugerahan Panji-Panji

Oleh
Abdullah Asgar

TUTONG, 18 April. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Upacara Penganugerahan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) dan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB).

Keberangkatan tiba baginda di Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Penanjong Garison, dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Hari-maupadang Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Husin.

Setelah keberangkatan tiba, baginda dijunjung oleh Pemerintah ABDB bagi memeriksa perbarisan yang terdiri daripada anggota ATLDB atau ATUDB di bawah perintah, Leftenan Kolonel (L) Mahaleh bin Haji Abd. Majid.

Sejurus itu, baginda dijunjung sekali lagi oleh Pemerintah ABDB untuk merenjis air mawar dan seterusnya menganugerahkan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan ATLDB dan ATUDB.

Sementara itu, bacaan ikrar telah disampaikan oleh pemerintah perbarisan sejour istiadat merenjis air mawar dan penganugerahan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan berakhir.

Baginda kemudian berangkat ke Mes Pegawai bagi majlis beramah mesra dan junjung ziarah dari pegawai-pegawai ABDB. Sebelum berangkat balik baginda berkenan menandatangani buku lawatan Mes Pegawai.

Sejarah awal ATLDB mula ditubuhkan pada 14 Jun, 1965, di mana seramai 18 orang anggotanya yang terlatih diketuai oleh Kapten Awangkun Ibnu dilengkap dengan beberapa buah perahu 'Tamuai' dan perahu laju penyerang secara rasmi telah menubuhkan 'Boat Section' dalam Askar Melayu Diraja Brunei ketika itu.

Setahun kemudian tiga buah kapal peronda sungai telah didatangkan. Ia adalah KDB BENDAHARA MAHA-RAJALELA dan KERMAIN-DEKA yang dilengkapi senjata 'MG 42'. Di tahun yang sama sebuah 'Hovercraft SRN 5' digunakan bagi menambah kekuatannya. Dan di penghujung 1967 sebuah lagi kapal laju didatangkan iaitu KDB PAHLAWAN.

Lihat muka 16



پلیتا برونی Pelita Brunei DITERBITKAN PADA TIAP TIAP HARI RABU

24 APRIL, 1996 BERSAMAAN 1416 ذوالحجہ، 6

دغن نام الله يغمها
فموره دان مها فبايغ

NILAI MURNI MASYARAKAT TIMUR BOLEH MEMPERTAHKAN PENGARUH NEGATIF SATELIT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

RANGKAIAN televisyen serantau dan global tidak berapa lama lagi dijangkakan akan dapat menyiarkan rancangan-rancangan mereka sepanjang hari melalui lebih dari 500 saluran yang pastinya akan menghidangkan seribu satu macam program baik yang berbentuk hiburan, pendidikan, hal ehwal semasa, sosial mahupun berita dan lain-lain lagi. Pendedahan serupa ini tidak dapat kita elakan selagi di dalam rumah kita terdapat peti televisyen, parabola, dekoder dan lain-lain alat yang membolehkan kita mudah menerima teknologi maklumat tersebut.

Harapan kita semua ialah media yang lebih mudah didapatkan ini akan dapat membantu menyebarkan maklumat dan penerangan khasnya dalam mendidik, membentuk dan memberi panduan kepada pendapat umum terutama sekali dalam usaha mencapai aspirasi negara seperti kestabilan politik, pembangunan dan perpaduan negara.

Namun kita menyedari pihak pemilik dan pengendali rangkaian media global tentu saja mempunyai pemikiran tersendiri mengenai cara membimbing, memberi panduan dan membentuk pendapat umum yang tidak semestinya memberi perhatian kepada aspirasi dan sensitiviti negara-negara dalam berbagai isu apatah lagi bilamana mereka lebih mengutamakan aspek komersil dan untung rugi maknanya akan timbul kebimbangan serta kewahaman di kebanyakan negara yang menerima program berkenaan. Ini tidak bererti kita mengalah kepada keadaan, sebolehnya kita yang menguasai keadaan.

Rangkaian-rangkaian televisyen serantau dan global, surat-khabar serta media cetak yang apa pun bentuknya sedikit sebanyak dapat mempengaruhi pemikiran para penonton dan pembaca hinggalah sebilangan orang ada yang mengistilahkan sedemikian sebagai 'penjajahan media' dan ianya diperkesankan lagi oleh kemajuan teknologi.

Dalam hubungan ini, bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, kita boleh membendung serta mengelak dari pengaruh negatif dan pemikiran yang bertentangan dengan pola pemikiran negara kerana jika di masa lampau segala nilai, kepercayaan dan ajaran yang disanjung tinggi dalam masyarakat Timur itu boleh mempertahankan kita dari pengaruh dan serangan kuasa-kuasa penjajah pada zaman silam, maka sudah barang tentunya segala nilai, kepercayaan dan ajaran tersebut akan mampu jadi benteng kita dari pengaruh dan serangan dalam bentuk baru yang datang melalui satelit dan teknologi maklumat itu.

Malah kita yakin bahawa dengan adanya daya tahan diri di samping bimbingan dan panduan dari ajaran-ajaran dan nilai-nilai murni budaya kita yang kita warisi turun temurun serta dengan mengambil kira segala kemajuan teknologi itu secara sederhana, insya-Allah akan membolehkan kita dapat bertahan dengan prinsip dan pendirian hidup kita serta dapat menanganai keadaan yang dihadapi dengan sempurna, tenang dan rasional. Ya, kita yang sewajarnya menguasai keadaan bukan sebaliknya.

Kesimpulannya, kita memerlukan adanya perseimbangan di antara mudahnya untuk mendapatkan maklumat dengan perlunya kita mempertahankan nilai-nilai yang terdapat dalam masyarakat kita di samping masing-masing negara mengadakan bidang kerja penguatkuasaan undang-undang yang sensitif yang dapat meningkatkan maklumat teknologi dan serentak dengan itu menjaga nilai-nilai masyarakat setempat.

Manakala di pihak pemilik dan pengendali rangkaian media serantau dan global mestilah peka dan waspada agar program yang dihidangkan tidak menimbulkan banyak kemudaratan kepada pemikiran penonton. Semua pihak sama-sama memikul tanggungjawab dalam mewujudkan kehidupan yang harmoni dan selesa.

Bismillahir Rahmanir
Rahim
Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

PERTAMA-TAMA kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan rahmat-Nya jua kita berkumpul pada hari ini bagi memulakan suatu majlis berkebajikan yang dapat memberi suatu makna yang besar dalam pembangunan dan peningkatan ekonomi bangsa Melayu Negara Brunei Darussalam. Dan seterusnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Tertinggi Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei yang berkesudahan menjemput saya bagi merasmikan pembukaan Mesyuarat Agung dewan ini.

Pastinya kita sama-sama mengetahui bahawa kita sebagai rakyat di Negara Brunei Darussalam ini, insya-Allah akan memasuki era kurun ke-21 tidak lama lagi, era yang disebut era globalisasi, ekonomi keterbukaan dan keserantauan, teknologi maklumat canggih serta dunia komputer yang menyebabkan bahawa dunia sekarang ini dalam konteks perhubungan sudah menjadi sempit. Sesuai dengan hadis Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda telah membayangkan bagaimana dunia ini di akhir zaman seolah-olah sebagai sebuah kampung yang kecil sahaja. Makanya kita mestilah bersedia menghadapi cabaran ini supaya kita tidak akan ketinggalan dalam arus perkembangan dan pembangunan negara. Rata-rata orang menyatakan bahawa sesebuah negara tidak akan dapat membangun jika pertumbuhan ekonominya lemah. Namun kita mestilah juga berwaspada kerana sesuatu pembangunan yang hanya bergantung kepada struktur fizikal dan materialisme ataupun sekular akan menjadikan sebuah masyarakat itu hilang keperibadian dan jiwa kerohanian.

Mesyuarat Agung Tahunan DPPMB yang akan dijalankan ini nanti, walaupun ianya merupakan suatu agenda tahunan, akan mengambil nilai kepe-



UCAPAN Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei pada hari Sabtu, 30 Mac 1996, di Dewan Muzik Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam.

ribadian dan jiwa kerohanian yang melambangkan identiti kebruneian kerana DPPMB merupakan sebagai pendukung malah tunggak kepada perjuangan dalam perniagaan dan perdagangan orang Melayu Brunei di bumi berdaulat darussalam ini. Dalam mesyuarat ini nanti, saya berharap dewan ini akan merangka, mungkin sudah pun merangka, baik untuk jangka pendek mahu pun jangka panjang, hal-hal perdagangan dan perniagaan yang akan memajukan masyarakat Melayu Brunei yang bukan semata-mata kepada perkara ideal dan aspirasi tinggi tetapi juga kepada perkara-perkara yang praktikal dan pragmatik.

Kerangka yang saya maksudkan ialah strategi perdagangan dan perniagaan dan blue-print ekonomi orang Melayu Brunei keseluruhannya yang mengemblem tenaga bukan setakat penyertaan dalam ekonomi global, malah adalah sama penting juga untuk meningkat daya mutu, daya tahan dan daya saing pertumbuhan perdagangan dan perniagaan dalam negara sendiri bagi mengenalkan kewibawaan dan identiti orang Melayu Brunei dalam dunia perniagaan dan perdagangan. Saya melihat bahawa dengan penyertaan

Negara Brunei Darussalam baru-baru ini dalam kumpulan-kumpulan ekonomi dan perdagangan seperti BIMP-EAGA akan memberi peluang-peluang masyarakat Melayu Brunei, melalui DPPMB, untuk menyertai dalam bidang-bidang perdagangan dan perniagaan yang membuah pertumbuhan dan peningkatan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Namun haruslah diingat bahawa penyertaan ekonomi itu adalah 'risk-taker' dan seorang peniaga mestilah bersedia untuk menanggung risiko.

Bercakap mengenai aspek perdagangan dan perniagaan di dalam Negara Brunei Darussalam ini, izinkanlah saya membuat beberapa pandangan dan saranan untuk sama-sama difikirkan oleh ahli-ahli DPPMB bagi memajukan ekonomi orang Melayu Brunei. Adalah difahamkan bahawa senerio perdagangan dan perniagaan dalam negeri dalam konteks meningkat daya usaha dan pertumbuhan ekonomi masyarakat Melayu Brunei pada masa ini adalah dalam keadaan buntu. Ini mungkin disebabkan suasana yang sekarang ini tidak dapat membentuk pola fikir dan tindak-tanduk keterbukaan dan keadaan ini tidak mungkin dapat disesuaikan

SAYA juga percaya bahawa di dalam Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei terdapat beberapa ahli yang saya istilahkan sebagai 'silent millionaire' yang dapat dijadikan contoh di mana kepakaran mereka dapat digunakan untuk menambahkan lagi bilangan 'silent millionaire' ini sehingga mewujudkan kumpulan 'the rising tide of Brunei Malay millionaires'.

dalam sekeli mata. Mengenai dengan 'financial constraint' tidak sepatutnya dijadikan sebagai alasan, walaupun diakui sulit, untuk tidak mengembangkan dunia perdagangan dan perniagaan. Malah ianya boleh dijadikan sebagai satu landasan bagi membuka fikiran yang rasional dalam mengembangkan hubungan dagang dan niaga keluar seperti mengadakan joint-venture dengan kumpulan niaga negara sahabat. Saya percaya, DPPMB boleh mengambil kira perkara ini sebagai satu pertumbuhan yang akan mengenalkan identitinya sebagai tunggak perjuangan perdagangan dan perniagaan masyarakat Melayu Brunei.

Saya juga percaya bahawa di dalam Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei terdapat beberapa ahli yang saya istilahkan sebagai 'silent millionaire' yang dapat dijadikan contoh di mana kepakaran mereka dapat digunakan untuk menambahkan lagi bilangan 'silent millionaire' ini sehingga mewujudkan kumpulan 'the rising tide of Brunei Malay millionaires'. Dengan cara inilah juga kita akan dapat mengimbari status dan 'financial level' masyarakat bukan Melayu, walaupun kita tahu kebanyakan kuasa dan teraju ekonomi itu sebahagiannya masih dipegang oleh dan di bawah muslihat perseorangan yang bukan dominan. Namun demikian, faktor-faktor produksi seperti tanah, modal dan tenaga masih ada di tangan ahli-ahli. Cuma apa yang berkurangan ialah 'entrepreneurship'. Entrepreneurship inilah yang patut kita banar-banari.

SAYA melihat bahawa dengan penyertaan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini dalam kumpulan-kumpulan ekonomi dan perdagangan seperti BIMP-EAGA akan memberi peluang-peluang masyarakat peniaga Melayu Brunei, melalui DPPMB, untuk menyertai dalam bidang-bidang perdagangan dan perniagaan yang membuah pertumbuhan dan peningkatan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

BERITA LUAR NEGERI ... BERITA LUAR NEGERI ... BERITA LUAR NEGERI ...

Jalin hubungan diplomatik

NEW YORK. — Negara Brunei Darussalam dan Portugal telah menjalin hubungan diplomatik bermula pada 22 Mac lalu.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama hubungan tersebut telah diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Portugal, New York. Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Mohd. Daud, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sementara Portugal telah diwakili oleh Tuan Yang Terutama Tuan Pedro Catarino, Wakil Tetap Portugal ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



WAKIL Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Mohd. Daud dan Wakil Tetap Portugal ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semasa menandatangani Kenyataan Bersama penjalanan hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara yang diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Portugal di New York.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Gambar-gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

MANILA. — Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di sini telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-12 pada hari Selasa, 27 Februari lalu bertempat di Shangri-La Hotel Ballroom, Makati City.

Dalam sambutan berkenaan pihak Kerajaan Republik Filipina telah diwakili oleh Yang Berhormat Tomas R. Padilla, Undersecretary di Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Filipina.

Jemputan-jemputan lain yang hadir ialah bekas Presiden Filipina, Puan Corazon Aquino, Puan Gloria Macapagal Arroyo, pegawai-pegawai Kerajaan Republik Filipina, beberapa orang senator dan congressman, duta-duta besar luar negeri di Republik Filipina, pegawai-pegawai dari kedutaan besar luar negeri di Republik Filipina, jemputan-jemputan khas yang terdiri daripada pihak-pihak swasta di Republik Filipina dan beberapa orang gabenor dan datuk bandar. Jemputan yang hadir lebih kurang seramai 200 orang.



TUAN Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor, Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Filipina mengalu-alukan kehadiran bekas Presiden Republik Filipina, Puan Corazon Aquino di Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali yang ke-12.



TUAN Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor dan Datin bergambar ramai bersama dengan pegawai-pegawai 'Homel Based' berserta isteri masing-masing dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Filipina.

Komitmen, kesejahteraan peniaga dan pedagang Melayu perlu ditingkatkan

Dari muka 2

Saya percaya dalam merangka visi dan strategi masa depan, DPPMB bukan semata-mata mengira untung rugi biasa tetapi berusaha dan berpegang kuat kepada asas-asas dan prinsip Islam yang berdasarkan kepada Al-Quran dan sunnah sebagai asas berfikir, merancang dan bertindak supaya segala keuntungannya adalah semuanya halal. Insya-Allah, cara yang diredai Tuhan ini sahaja yang dapat meyelamatkan dan terus menikmati kejayaan bagi kita anak-anak Melayu.

Dewan Perniagaan dan Per-

usaha Melayu Brunei, sebagai kumpulan yang tahu masalah yang dihadapi oleh 'grass root level', yang berbasah karing dengan perniagaan dan perdagangan di Negara Brunei Darussalam ini, sudah sampai masanya untuk mengenalpasti masalah-masalah, kesulitan dan kekurangan yang dihadapi oleh ahli-ahli dewan ini khususnya dan peniaga-peniaga Melayu Brunei amnya supaya dirangka dan disusun sebagai suatu kertas kerja yang lengkap. Kandungan kertas kerja ini akan dapat membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian-kementerian yang berkenaan meneliti dan mengenal bidang-bidang yang perlu diambil perhatian dan tindakan bagi meningkatkan komitmen dan kesejahteraan masyarakat peniaga dan pedagang Melayu Brunei. Saya percaya, perkara ini jika diungkayahkan dengan sebaiknya akan membantu kerajaan mencapai matlamat Rancangan Kemajuan Negara Ke-7 untuk memajukan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi masyarakat Melayu Brunei terutama sekali dalam perniagaan dan perdagangan.

Dalam pada itu, Dewan

Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, dalam menuju era ekonomi global kurun ke-21 ini, mestilah menyediakan jawapan-jawapan kepada beberapa persoalan yang pasti akan kita hadapi, antaranya ialah bagaimana pendekatan dan sikap orang Melayu Brunei terhadap masyarakat usahawan antara-bangsa di dalam dan di luar negeri; bagaimana sikap orang Melayu Brunei terhadap 'internationalisation'; dan sejauh mana orang Melayu Brunei, terutama usahawan Melayu, ikut serta dalam bidang-bidang yang berterasakan ilmu dan teknologi tinggi. DPPMB, sebagai lambang

dan tunggak perjuangan usahawan dan peniaga-peniaga Melayu Brunei tidak semestinya izin dijadikan penonton sahaja tetapi hendaklah melalui usaha, tenaga dan keupayaan untuk mengambil peranan utama dan pada menerajui alam perniagaan dan perusahaan ini.

Carilah jalan dan dalam proses mencari jalan itu, patuhilah jalan-jalan yang sudah dilalui supaya generasi kita yang baru akan dapat meneruskan dan menikmatinya.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh.

DPPMB, sebagai lambang dan tunggak perjuangan usahawan dan peniaga-peniaga Melayu Brunei, tidak semestinya izin dijadikan penonton sahaja tetapi hendaklah melalui usaha, tenaga dan keupayaan untuk mengambil peranan utama dan pada menerajui alam perniagaan dan perusahaan ini.



PUTERA sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan menyempurnakan pelancaran video mengenai alam sekitar (atas).

YANG Teramat Mulia semasa menyaksikan mini pameran mengenai alam sekitar (kanan).



BERKENAN BERANGKAT MELANCARKAN VIDEO MENGENAI ALAM SEKITAR

Gambar-gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO



YANG Teramat Mulia semasa mendengarkan penerangan mengenai pameran yang disembahkan oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Ron Van Den Berg.

PUTERA sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pelancaran Video Mengenai Alam Sekitar yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 10 April yang lalu.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Ron Van Den Berg dan pegawai-pegawai kanan syarikat berkenaan.

Di majlis tersebut, Yang Teramat Mulia juga berkenan untuk mempreviu video berkenaan dan menyaksikan mini pameran mengenai dengan alam sekitar.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga berkenan menerima cenderamata yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Ron Van Den Berg.



PENGARAH Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Ron Van Den Berg menyambahkan cenderamata ke hadapan majlis Yang Teramat Mulia.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan berangkat dan menyempurnakan pelancaran video mengenai alam sekitar yang dilangsungkan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima junjung ziarah pegawai-pegawai kanan Syarikat Minyak Brunei Shell sejurus berangkat tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Awang Nur Asmadi juarai pertandingan Bintang Kecil 1996

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 April. — Awang Nur Asmadi bin Ismail menjuarai Pertandingan Akhir Bintang Kecil 1996 anjuran Radio dan Televisyen Brunei. Beliau menerima wang tunai \$1,300.00; piala pusingan dan piala iringan.

Tempat kedua ialah Awang Nur Asim bin Muhd. Noor. Beliau menerima \$1,000.00; tunai dan piala iringan dan tempat ketiga dimenangi oleh Awangku Muhd. Firadus bin Pengiran Haji Sabtu dengan menerima \$800.00; berserta piala iringan.

Pertandingan akhir berlangsung malam ini di Dewan Raya RTB di sini dan disiarkan secara langsung oleh RTB.

Berangkat ke pertandingan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada juara Bintang Kecil '96, Awang Nur Asmadi bin Ismail. — Gambar oleh Ramli Tengah.

Oleh
Abdullah Asgar

Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bulkiyah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Hadiah-hadiah dikurniakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Ini adalah kali ke-18 pertandingan Bintang Kecil dianjurkan oleh RTB sejak 1978. Kali ini tema pertandingan ialah 'Kami Pewaris dan Penerus Zaman'. Sepuluh orang finalis bertanding termasuk empat orang perempuan.

Majlis khatamal Quran

GADONG, 21 April. — Majlis Khatam Al-Quran Bagi Penuntut-penuntut Pra U II Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah berlangsung petang ini di auditorium maktab tersebut di sini.

Tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Awang Haji Saji bin Mudin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang telah dipimpin oleh tetamu kehormat dan kemudiannya disusuli dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas oleh peserta khatam.

Bacaan takhtim telah disampaikan oleh penuntut-penuntut perempuan yang diketuai oleh Dayang Hairani binti Jaafar, Awang sementara doa khatam dibacakan oleh Haji Azrin bin Tunjang.

Aturcara majlis kemudian diteruskan dengan bacaan

Marhaban oleh penuntut-penuntut Pra U I dan Pra U II yang diketuai oleh Awang Haji Yusra Faisal bin Haji Yusuf.

Awang Haji Saji di majlis itu juga telah berkesudian menabur bunga rampai dan menyampaikan sijil-sijil yang diikuti oleh para tetamu yang lain.

Para peserta sebelum ini telah mengkhatam bacaan masing-masing di Surau Asrama Putera dan Puteri maktab tersebut pada akhir tahun 1995 di bawah pengawasan Awang Haji Kusnun bin Haji Kamit dan Syekh Haji Muhammad bin Syekh Mohsin.

Untuk memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Awang Haji Ismail bin Mohd. Arshad.

Oleh
Sahari Akim

Kerajaan mengalukan sumbangan orang ramai membantu yang kurang bernasib baik

Oleh
Aliddin HM

TEMBURONG, 19 April. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengalu-alukan sumbangan dan bantuan dari orang ramai bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Daerah Temburong telah mengadakan kerja gotong-royong bagi membina sebuah rumah untuk seorang bahu di Kampong Buda-Buda, Belais di sini.

Batu berkenaan ialah Dayang Norpah binti Tahamat yang mana rumah beliau telah terbakar pada 29 Disember, 1995.

Kerja-kerja pembinaan itu telah diketuai oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad

dengan dibantu oleh para pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di daerah ini serta penduduk-penduduk kampung.

Bahan-bahan binaan bagi membina rumah tersebut adalah dari hasil sumbangan daripada Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebanyak \$4,500.00 untuk membeli peralatan membuat rumah dan selebihnya iaitu sebanyak \$1,500.00 merupakan sekeping cek telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad yang telah diterima oleh saudara

perempuannya, Dayang Sausa binti Tahamat.

Sebelum itu bantuan awal telah diberikan seperti barang makanan dan pakaian sama-

sa kejadian kebakaran itu juga dari Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dua peserta dipilih wakili Temburong

Oleh
Aliddin HM

TEMBURONG, 20 April. — Awang Abdul Latif bin Duraman dari Sekolah Rendah Bokok dan Dayang Zuaima binti Bahrum dari Sekolah Rendah Labu Estate akan mewakili Daerah Temburong dalam Peraduan Azan dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim Kali Ke XI antara sekolah-sekolah rendah peringkat negara yang akan diadakan dalam bulan Mei depan.

Awang Abdul Latif menjadi johan dalam peraduan azan Subuh dan Dayang Zuaima

pula menjadi johan dalam peraduan menghafaz ayat-ayat lazim bagi sekolah-sekolah rendah Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Labu Estate di sini.

Naib johan dalam peraduan azan Subuh dimenangi oleh Awang Shahid bin Bahrum dari Sekolah Rendah Labu Estate dan tempat ketiga oleh Awang Mohammad Nawawi bin Haji Mohd. Yazid dari Sekolah Rendah Puni.

Sementara naib johan dalam peraduan menghafaz ayat-ayat lazim pula disandang oleh Dayang Noorhazalina binti Mohiddin dari Sekolah Rendah Selangan dan tempat ketiga oleh Dayang Azrina binti Azmain dari Sekolah Rendah Puni.

Seramai 10 orang peserta dari sekolah-sekolah rendah di daerah ini telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut yang dianjurkan oleh Unit Kegiatan Luar Sekolah yang antara lain bertujuan bagi menggalakkan dan meningkatkan kemahiran para peserta dalam menerima kepentingan azan dan menghafaz ayat-ayat lazim.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam peraduan itu telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Ketua Kampong Labu Estate, Awang Abdurrahman bin Haji Nasir.



PENGARAH Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Awang Haji Saji bin Mudin semasa menabur bunga rampai kepada penuntut-penuntut Pra U II Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang telah khatam Quran. — Gambar oleh Johari Buntar.

Mengekalkan, mempertingkatkan kualiti memerlukan sebuah organisasi yang cekap

Oleh
Abdullah Asgar

pat di salah sebuah hotel di Gadong malam ini di sini.

"Pengiktirafan sistem kualiti yang dimestikan bagi syarikat-syarikat khususnya perusahaan kecil dan sederhana, adalah satu jalan penting bagi membuktikan yang mereka berupaya untuk memenuhi kehendak ISO 9002, yang mana amat penting bagi perubuhan mereka," jelas Yang Berhormat.

Dengan yang demikian kata Yang Berhormat lagi, proses pengiktirafan, janganlah ia dianggap sebagai satu penamat, tetapi ia adalah satu cara yang terbaik untuk memastikan dan meningkatkan kualiti. Dalam aspek yang luas dan lebih penting, pengiktirafan kepada ISO 9002, hendaklah dianggap sebagai langkah utama bagi syarikat binaan untuk berjaya dalam

saingan di rantau ini.

Tambahnya, beliau berbangga dengan pencapaian awda, bukan hanya kerana telah berjaya diiktiraf memperoleh ISO 9002, tetapi juga kerana sumbangan yang bernilai dan berterusan terhadap industri pembinaan.

Anda juga kata Yang Berhormat, harus berbangga kerana sejak tahun kebelakangan syarikat tuan telah menyempurnakan dan memberikan projek yang berkualiti. Sokongan syarikat anda terhadap usaha Kementerian dalam kempen keselamatan dan kualiti, juga sangat meyakinkan dan beliau berharap kedua-dua L & L dan Kehasan (B) akan terus mengekalkan dan mempertingkatkan usaha yang sedia ada.

L & L dan Kehasan (B) Sendirian Berhad merupakan syarikat tempatan yang bergiat dalam pembinaan, kejuruteraan awam dan membekalkan konkrit campuran di negara ini. Ia juga beberapa syarikat-syarikat pembinaan yang berjaya dan cemerlang dalam kerjanya sejak ia ditubuhkan dulu.

Bismillah, Walhamdulillah, Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihihi Wasahbihi Wa Walaah.

Sambungan minggu lepas

Menyembelih Korban

BINATANG yang hendak dijadikan korban itu, sunat disembelih oleh orang yang berkorban itu sendiri, kiranya ia pandai menyembelih walaupun begitu boleh juga ia mewakili orang lain untuk menyembelih, korban itu. Afdhalnya wakil itu orang Islam yang mengetahui akan hukum-hukum mengenai korban.

Hukum boleh berwakil itu diambil daripada perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bahawa Baginda telah berkorban seratus ekor unta, maka baginda menyembelih sendiri dengan tangannya enam puluh tiga ekor, kemudian Baginda menyerahkan pisau menyembelih itu kepada Sayyidina Ali Karra-mallahu Wajhah, maka dia pun menyembelih bakinya.

Dalam hal ini adalah lebih baik dan lebih afdhal orang yang tidak pandai menyembelih berwakil kepada orang lain untuk menyembelih bagi pihak dirinya. Dan sunat bagi yang berwakil itu hadir ketika menyembelih korbannya itu.

Disyaratkan orang yang berkorban itu berniat kerana korban ketika menyembelih, kerana ia suatu ibadah dan harus mendahulukan niat itu daripada menyembelih mengikut pendapat yang Asah. Adalah memadai jika yang berwakil itu berniat ketika wakilnya menyembelih korbannya dengan hadir yang berwakil ketika itu. Dalam hal ini, niat orang yang berwakil itu adalah memadai, maka wakil tidak perlu lagi berniat. Walau bagaimanapun adalah lebih baik orang yang berwakil itu, ketika menyerahkan korban, menyuruh wakilnya berniat bagi pihak dirinya ketika ia menyembelih korban tersebut.

Tiada boleh menyembelih korban bagi pihak orang lain yang hidup dengan tiada izinnya, atau bagi pihak orang yang telah mati dengan tiada ada wasiatnya, atau tiada

pesannya, dan jika dilakukannya juga tiada dikira sebagai korban orang mati itu (tidak sah) dan tidak juga dikira sebagai korban orang hidup yang membuat korban itu.

Cara penyembelihan korban

Menyembelih korban itu ialah dengan memotong hingga putus kesemua halkum dan mari' binatang itu dengan alat yang tajam yang bukan tulang atau kuku. Halkum itu ialah tempat keluar masuk nafas dan urat mari' itu ialah tempat laluan makanan dan minuman yang terletak di bawah halkum.

Adalah wajib bagi yang menyembelih itu memotong halkum dan mari' itu. Jika ditinggalkan sebahagian daripada halkum atau mari' itu dan mati binatang tersebut dalam keadaan yang demikian, maka tiada sempurna sembelihan itu dan ia adalah dikira bangkai. Begitu juga jika telah berhenti gerak binatang yang disembelih itu, kemudian dipotong semula halkum atau mari' yang tertinggal itu, maka yang demikian itu pun adalah menjadi bangkai (tidak boleh dimakan).

Disyaratkan binatang yang disembelih itu ada hayat mustaqirrah ketika mula-mula disembelih iaitu ia akan hidup jika tidak disembelih ketika itu. Sebagai tanda adanya hayat mustaqirrah itu dengan kuat gerakannya ketika dipotong halkum dan mari'nya, dan menyembur darahnya. Dan mengikut Imam An-Nawawi memadai dengan kuat gerakannya ketika disembelih.

Perkara-perkara sunat dilakukan ketika menyembelih binatang termasuk korban.

- Menajamkan pisau yang akan digunakan untuk menyembelih.
- Melakukan pisau pada leher binatang yang disembelih itu dengan kuat dan bersungguh-sungguh dengan cepat dan senang putus urat halkum dan mari'nya.
- Orang yang menyembelih menghadap kiblat dan dihadapan binatang yang akan disembelih ke kiblat kerana kiblat itu semulia-mulia (arah) lebih-lebih lagi pada binatang korban.
- Ketika hendak menyembelih sunat membaca Bismillah dan berselawat kepada Nabi Sallallahu Alaihi

olok-olok dan membazir sahaja padahal itulah di antara pekerjaan haji berupa ulangan sejarah Siti Hajar berlari berulang alik mencari air untuk puteranya Ismail yang baru dilahirkan akhirnya terhasil telaga Zam-zam ketika melontar jumrah di 'Aqabah adalah ulangan pekerjaan Nabi Allah Ibrahim ketika melontar Iblis yang cuba mengacau untuk menghalangnya mengorbankan anaknya Nabi Allah Ismail yang akhirnya diganti dengan qibas. Jangan ingat melontar jumrah itu satu kerja main-main dan tidak berfaedah. Sebenarnya kita pun melontar iblis juga.

Beruntunglah bagi orang-orang yang mendapat haji mabrur, kerana haji yang diterima Allah itu akan menggugurkan semua dosa dan akan kembali bersih seperti anak yang baru dilahirkan.

Korban pada hari-hari sepuluh (selepas sembahyang), sebelas, dua belas dan tiga belas di bulan itu juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Ramai di kalangan orang Islam kita yang tidak tahu dengan kelebihan-kelebihan dan keistimewaan

BILANGAN KETUJUH BELAS BAHAGIAN KEDUA

Wasallam seperti katanya :

بسم الله الرحمن الرحيم. اللهم صل على سيدنا محمد وآله وسلم.

Ini berdasarkan firman Allah Taala yang tafsirnya : "Maka makanlah kamu akan daging binatang yang telah disembelih

KORBAN

dengan dibaringkan binatang itu di atas tanah sebelah rusuk kirinya dan diikat kakinya. Melainkan kaki kanan dibiarkan (tidak diikat) supaya binatang itu dapat rehat dengan menggerakkan kaki kanannya itu.

vii) Setelah selesai disembelih sunat dibiarkan binatang itu sehingga mati.

viii) Sunat diberi minum sebelum ia disembelih dan jangan diasah pisau penyembelihan di hadapan binatang

INTRODUKSI

Bismillahir Rahmanir Rahim

RUANGAN ini dinamakan IRSYAD HUKUM. IRSYAD HUKUM dimaksudkan sebagai penerangan hukum-hukum dan kehendak-kehendak agama Islam mengenai sesuatu perkara yang mengait hidup dan kehidupan umat Islam di negara ini khususnya. Matlamatnya ialah untuk melahirkan kefahaman dan kesedaran serta keinsafan dalam diri umat Islam pada menghayati hukum-hukum dan kehendak-kehendak Islam selaku agama yang mendorong kepada pembangunan rohani dan kemajuan yang sebenar-benarnya bukan sebaliknya.

dengan menyebut nama Allah." (Surah Al-An'am : 118).

Tetapi mengikut Mazhab As-Syafie, membaca Bismillah itu bukanlah wajib, hanya makruh meninggalkan sengaja atau lupa oleh penyembelih yang Muslim sembelihan itu adalah halal dimakan.

Selain itu sunat bertakbir sebelum membaca Bismillah. Seperti katanya Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahilham dan selepas berselawat sunat dibaca :

اللهم هذه منك واليك فقبل مني

v) Binatang yang panjang lehernya seperti unta sunat disembelih di pangkal leher dengan memotong halkum dan mari' kerana mengikut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Yang demikian itu juga akan memudahkan keluar roh binatang tersebut.

vi) Sunat disembelih lembu atau kerbau atau kambing


yang akan disembelih dan jangan menyembelih binatang lain di hadapan binatang yang akan disembelih.

Hukum daging korban

Sepertimana yang telah dijelaskan di atas korban itu terbahagi kepada dua iaitu korban wajib dan korban sunat:

i) Adapun daging sembelihan korban yang wajib seperti korban nazar hukumnya wajib disedekahkan kesemuanya. Haram atas orang yang berkorban itu memakan daging tersebut, jika dimakannya wajib diganti kadar yang dimakannya itu, tetapi tidak wajib ia menyembelih semula yang lain.

ii) Manakala daging korban sunat pula, sunat bagi yang mempunyai korban memakan sebahagian daripadanya. Firman Allah Taala yang tafsirnya : "Maka makanlah daripadanya dan beri makanlah kepada orang-orang yang sangat fakir." (Surah Al-Hajj : 28).



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN, JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Wajib disedekahkan sebahagian dari daging-daging korban yang sunat itu yang mentah lagi basah kepada orang-orang fakir atau miskin yang Islam.

Afdhalnya disedekahkan semuanya, melainkan dimakannya sedikit kadar beberapa suap untuk mengambil berkat daripadanya, kerana yang demikian itu lebih mendekatkan diri kepada taqwa dan jauh daripada mementingkan diri sendiri.

Dan yang afdhal dimakan itu ialah bahagian daripada hatinya kerana telah dirwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah makan sebahagian daripada hati korbannya, tetapi makan di sini bukanlah bererti dia wajib memakannya.

Jika dimakan kesemua daging korban yang sunat itu dan tiada sedikit pun disedekahkan kepada orang fakir atau miskin adalah dikira sah korbannya, tetapi wajib didapatkan atau dibeli daging-daging yang lain kadar yang wajib disedekahkan sebagai ganti.

Harus daging korban yang sunat itu dihadiahkan kepada orang kaya yang Islam untuk dimakan sahaja, bukan untuk tujuan-tujuan yang lain seperti memilikinya, atau menjualnya atau sebagainya, berlainan halnya dengan orang fakir dan miskin, daging itu adalah menjadi milik mereka, harus bagi mereka menjual daging tersebut kepada orang lain.

Haram menyedekahkan dan menghadihkan kepada orang kafir daripada daging korban, walaupun sedikit sama ada ia korban wajib atau sunat. Begitu juga haram atas orang

yang berkorban atau warisnya menjual daging korban itu atau kulitnya atau bulunya atau sesuatu daripada korban itu, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Siapa yang menjual kulit korban (Udhiah) itu maka tiada dikira baginya korban." (Riwayat Hakim).

Dan haram kulit atau daging itu dijadikan upah kepada penyembelih, tetapi harus diberikan kepadanya dengan jalan sedekah atau hadiah.

Dalam menyedekahkan daging korban itu tidak memadai dimasak daging tersebut kemudian dipanggil orang-orang fakir dan miskin untuk memakannya, kerana hak fakir dan miskin itu bukan pada makan daging tersebut, tetapi adalah memiliki daging berkenaan dan bukan memilikinya dalam keadaan yang masak.

Yang mesti dimiliki oleh orang fakir dan miskin itu ialah daging korban berkenaan bukan kulit atau hatinya atau sebagainya.

Jika daging korban itu ialah korban disebabkan wasiat dari seorang yang telah meninggal, maka tidak boleh dimakan dagingnya oleh orang yang mengorbankan dan tidak boleh dihadiahkan kepada orang kaya kecuali ada izinnya.

Jika binatang korban yang dinazarkan itu beranak selepas ditentukan sebagai nazarnya, anak binatang tersebut adalah mengikut hukum ibunya iaitu disembelih kedua-duanya dan sama ada hamilnya lepas penentuan nazar ataupun sebetulnya. Dalam hal hukum daging kedua-duanya itu hendaklah disedekahkan sebahagian daripada daging ibunya dan boleh dimakannya daging anaknya itu kesemuanya. Wallahu A'lam.

HIKMAH HAJI DAN KORBAN

منوجو كرىضان الله


Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

korban itu. Kalau ada yang mengerjakannya, tidak lebih daripada ikutan yang sudah menjadi satu tradisi kepada umat Islam pada hari-hari tersebut.

Korban adalah satu amalan dan kebiasaan yang sangat dituntut serta mempunyai hikmah yang banyak. Biasanya amalan ini dilakukan oleh orang-orang yang berada, berkemampuan dan orang yang sanggup atau terpaksa berjinak untuk mengumpul duit.

Dalam Surah Al-Kausar, Allah berfirman bermaksud : "Sesungguhnya Kami telah kurniakan akan di kau (Muhammad) akan Telaga Al-Kautsar atau kebaikan yang banyak, maka salatlah olehmu (termasuk salat korban) dan berkorbanlah (sembelih binatang) olehmu pada hari korban, sesungguhnya orang-orang yang membenci kamu dialah yang terputus (dari rahmat Allah)." Pada zahir sahaja kita melihat amalan korban berupa satu perayaan untuk mengiringi



Hari Raya Haji (Korban), di samping daging itu disedekahkan kepada fakir miskin, sebenarnya korban jauh lebih daripada itu. Faedahnya bukan sekadar untuk makan daging sahaja tetapi sebenarnya untuk menghindarkan orang berkorban itu daripada bala yang akan ditempuhnya pada hari akhirat kelak.

Dari Sayidina Ali Abi Talib beliau berkata, "Barangsiapa keluar dari rumahnya untuk membeli seekor binatang korban, maka baginya tiap-tiap langkah

mendapat sepuluh kebajikan dan dihapuskan daripadanya sepuluh kejahatan serta diangkat baginya sepuluh darjah. Dan apabila dia berbicara dalam pelaksanaan pembelinya, maka kata-katanya adalah tasbih, dan apabila dia membayar harganya maka baginya tiap-tiap satu dirham (ringgit) mendapat 700 kebajikan. Kalau dia membaringkan korban di atas tanah untuk memotongnya, maka semua makhluk di tempat korban itu sampai ke bumi yang ketujuh sama meminta ampun untuknya.

Apabila diarahkan mengalir yakni dipotong, maka Allah mencipta tiap-tiap titisan darahnya di sepuluh malaikat yang sama memohon ampun baginya sampai Hari Kiamat. Apabila dagingnya di bahagi-bahagikan tiap-tiap sepotong seperti memerdekakan seorang budak dari puteranya Nabi Allah Ismail."

Begitulah hebat dan istemewanya ganjaran bagi orang yang berkorban di samping pahala-pahala takbir mengiringi masa korban itu.

BERUNTUNGLAH bagi orang-orang yang mendapat haji mabrur, kerana haji yang diterima Allah itu akan menggugurkan semua dosa dan akan kembali bersih seperti anak yang baru dilahirkan.

SEKURANG-KURANG-NYA ada dua kelebihan besar di bulan Zulhijah di samping kelebihan-kelebihan yang lain. Pertama bagi jemaah di Mekah dalam mengerjakan haji, kedua keistimewaan korban (binatang) pada hari-hari tertentu dalam bulan tersebut. Kelebihan dan keistimewaan ini menyeluruh bagi umat Islam di seluruh dunia di samping kelebihan berpuasa di awal bulan sehingga 9 hari, bulan, menjamu tetamu di Hari Raya dan bersedekah.

Pekerjaan haji adalah suatu ibadah yang unik, amat berbeza dengan lain-lain ibadah. Ia berupa ibadah yang menjadi pelengkap kepada rukun Islam yang lima dengan membuat kerja ulangan seperti apa yang telah berlaku ke atas Nabi Allah Ibrahim dan isterinya Siti Hajar serta puteranya Nabi Ismail pada zaman silam.

Kita tidak perlu berfikir banyak dalam mengerjakan ibadah ini, kerana banyak berfikir berkemungkinan akan mencacatkan (niat) pekerjaan haji itu. Umpamanya pekerjaan sa'ie dari Safa ke Marwah dirasakan seolah-olah sia-sia,

SYARIAT BERKORBAN BERTUJUAN MENDIDIK KITA SUPAYA TAHU BERTERIMA KASIH KEPADA ALLAH ATAS SEGALA NIKMATNYA

MARILAH kita sentiasa bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala apa jua yang dilarang-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kebahagiaan, keredaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Ameen.

Kini bulan Zulhijjah telah menemui umat Islam di serata pelusuk dunia, bulan di mana seluruh umat Islam yang berkemampuan menunaikan ibadah haji dan bulan di mana seluruh umat Islam di muka bumi ini merayakan Hari Raya Aidiladha (Hari Raya Korban). Satu daripada hari-hari kebesaran dalam masyarakat Islam yang jatuh setiap 10 haribulan Zulhijjah.

Pada bulan ini juga iaitu tanggal dari 10 Zulhijjah petang (terbenamnya matahari) 13 Zulhijjah umat Islam diperintahkan dan disunatkan kepada mereka yang mampu supaya berkorban binatang ternakan yang mempunyai cukup syarat iaitu untuk mengingatkan kisah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan anaknya, Nabi Ismail Alaihissalam.

Peristiwa bersejarah itu sangat tinggi nilainya dan mengandungi beberapa hikmat. Lebih dari itu peristiwa ini merupakan suatu pernyataan sikap kekuatan iman dan keteguhan mental daripada dua orang hamba Allah. Seorang ayah rela dengan ikhlas menyerahkan lehernya untuk disembelih oleh ayah kandung sendiri semata-mata untuk patuh dan menegakkan

perintah Allah Subhanahu Wataala.

Kekuatan iman dan keteguhan mental seperti inilah yang patut kita contohi pada saat kita sedang giat membangun dalam segala bidang.

Selain mengandungi semangat rela berkorban dalam menegakkan agama Allah, syariat berkorban ini juga bertujuan mendidik kita supaya tahu berterima kasih (bersyukur) kepada Allah Taala atas segala nikmat yang telah dilimpah-Nya dan mengajarkan kita supaya memiliki sifat belas kasihan dan rasa tanggungjawab kepada

bersyukur dan menikmati daging akikah tersebut.

Dalam melaksanakan korban atau akikah hendaklah dilakukan secara ikhlas semata-mata kerana Allah Taala, hindarkan dari mencampuradukkan dengan perasaan ria' dan menunjukkan, dengan mengingat tujuan, hikmat serta memahami hukum yang berkaitan dengannya.

Jadinya sebelum kita melakukan suatu ibadah sama ada ibadah wajib atau sunat, kita dituntut terlebih dahulu mengetahui hukum-hukumnya. Kerana dengan itu semasa kita melakukan

di kepala kanak-kanak, yang afdalnya pada hari ketujuh kelahiran sehingga waktu yang tidak terbatas.

Korban dan akikah merupakan dua ibadah sunat yang sangat-sangat digalakkan dalam Islam. Tetapi korban akan menjadi wajib apabila seorang itu bernazar hendak berkorban. Manakala ibadah akikah dituntut oleh Islam bukan sahaja ianya satu amalan sunat tetapi dituntut bagi melahirkan kesyukuran seorang ibu bapa kepada Allah di atas pemberian cahayamata dan melahirkan kegembiraan atas nikmat yang besar itu.

KORBAN dan akikah merupakan dua ibadah sunat yang sangat-sangat digalakkan dalam Islam. Tetapi korban akan menjadi wajib apabila seorang itu bernazar hendak berkorban. Manakala ibadah akikah dituntut oleh Islam bukan sahaja ianya satu amalan sunat tetapi dituntut bagi melahirkan kesyukuran seorang ibu bapa kepada Allah di atas pemberian cahayamata dan melahirkan kegembiraan atas nikmat yang besar itu.

fakir miskin dan orang-orang yang sengsara.

Kerana itu pada setiap tahun apabila menjelang Hari Raya Korban, seluruh umat Islam di mana sahaja melakukan penyembelihan binatang korban.

Demikian juga berhubungan dengan akikah, boleh dikatakan sebahagian umat Islam yang dikurniakan anak oleh Allah Taala melakukan akikah dengan menyembelih binatang lembu atau kambing sebagai tanda kesyukuran dan menjemput keluarga dan sahabat handai sama-sama

sesuatu ibadah itu, kita dapat melakukannya dengan betul dan benar, tidak salah dan menyeleweng.

Oleh itu marilah kita ketahui sedikit tentang apakah yang dimaksudkan ibadah korban dan akikah tersebut.

Korban dari segi syarak ialah binatang ternakan yang disembelih pada Hari Raya Aidiladha atau pada hari-hari Tasyrik (hari 11, 12, 13 dari bulan Zulhijjah).

Sementara akikah pula ialah binatang ternakan yang disembelih ketika hendak mencukur rambut

Syarat-syarat haiwan yang boleh (sah) dijadikan korban dan akikah itu sama sahaja baik dari segi jenisnya, warna kulit, tidak cacat dan dilarang diperjualbelikan. Namun di antara keduanya terdapat perbezaan iaitu:

— Daging korban disedekah kepada fakir miskin dalam keadaan mentah (belum dimasak). Manakala daging akikah disedekahkan kepada fakir miskin dan juga boleh kepada orang kaya dalam keadaan sesudah dimasak.

— Daging korban tidak sunat dimasak dengan

suatu yang manis sedang kan daging akikah sunat dimasak dengan manis.

— Waktu atau masa menyembelih binatang korban itu hanya ditentukan empat hari dalam setahun iaitu pada 10, 11, 12, 13 Zulhijjah dan bagi akikah itu tidak terbatas kepada hari-hari tertentu bahkan boleh dilakukan pada masa dan hari yang mampu dan ada kesempatan untuk melakukannya.

— Tulang haiwan akikah itu sunat dipotong-potong pada persediaan sedangkan bagi haiwan korban tidak diperlakukan sedemikian.

Marilah kita melihat pula dari segi kelebihan ibadah korban itu. Di antara kelebihan ibadah korban itu ialah: Diriwayatkan dari Ali bin Thalib: "Siapa yang meninggalkan rumahnya dengan maksud membeli binatang korban maka setiap langkah dikurniakan Allah Subhanahu Wataala sepuluh kebajikan, dihapuskan sepuluh kesalahan, dinaikkan martabatnya sepuluh darjat. Apabila dia bercakap-cakap dengan penjual ketika membelinya maka setiap patah kata yang diucapkannya adalah sama dengan satu tasbih. Dan jika dibayar harganya maka setiap satu dirham dia beroleh tujuh ratus kebajikan. Jika haiwan itu dibaringkan di atas tanah maka seluruh makhluk yang berada di bawahnya memohonkan ampun segala dosanya kepada Allah Subhanahu Wataala. Jika disembelih maka setiap titis darah yang tertumpah dijadikan Allah sepuluh malaikat yang berdoa dan meminta ampunkan kesalahannya kepada Allah Taala sampai Hari Kiamat. Apabila dagingnya dibahagi-bahagikan maka setiap suap yang dimakan orang baginya adalah seperti memerdeka-

kan seorang anak cucu Nabi Ismail Alaihissalam."

Alangkah besar faedah dan pahala yang akan kita perolehi dan sebaliknya akan rugi jika kita mampu tetapi tidak melaksanakannya kerana sempatnya hidup ini sangat terbatas. Maka peluang yang ada janganlah dipersia-siakan.


Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Barangsiapa mengorbankan korbannya maka apabila ia keluar daripada kuburnya didapati korbannya itu berdiri di atas kuburan di mana bulunya adalah daripada emas, matanya daripada Yagut dan tanduknya daripada emas lalu dia berkata: 'Siapaakah kamu? Sesungguhnya aku tidak pernah melihat suatu yang lebih cantik daripada kamu? Maka ia menjawab: 'Aku adalah korbanmu yang telah engkau korbankan di dunia dahulu. Naiklah ke atas belakangkan. Lalu di bawahnya berjalan di antara langit dan bumi hingga ke bawah 'Arasy.'"

Sesungguhnya korban itu menjadi kenderaan di atas Siratal Mustaqim. Selain itu ia juga sebagai penghapus dosa dan mendatangkan pahala kebajikan yang berlipat kali ganda.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Hajj ayat 37 tafsirnya:

Daging-daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali mencapai kepada Allah. Tetapi sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira dengan balasan yang sebaik-baiknya kepada orang yang berusaha supaya baik amalan."



وقت سمبېڅ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبېڅ، امساک، شوروق دان ضحی باکي دایره بروني دان موارا مولای دري هاري رابو، 6 ذوالحجه، 1416 برسمان 24 افريل، 1996 هیڅک کهاري ثلاث، 12 ذوالحجه، 1416 برسمان 30 افريل، 1996 اداله سقرت دباوه این :-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسیحي
ذوالحجه									افريل
6	12.20	3.34	6.29	7.38	4.42	4.52	6.10	6.34	24
7	12.20	3.34	6.29	7.38	4.41	4.51	6.10	6.34	25
8	12.20	3.34	6.29	7.38	4.41	4.51	6.09	6.33	26
9	12.20	3.35	6.28	7.38	4.40	4.50	6.09	6.33	27
10	12.19	3.35	6.28	7.38	4.40	4.50	6.09	6.33	28
11	12.19	3.35	6.28	7.38	4.40	4.50	6.09	6.33	29
12	12.19	3.36	6.28	7.38	4.39	4.49	6.08	6.32	30

وقت ۲ سمبېڅ باکي دایره توتوغ دتبه ساتو مینیت دان دایره بلایت دتبه تیک مینیت، سمبېڅ فرض جمعة دسلوره نگارا بروني دارالسلام دمولای دري فوکل 12.45 تھاري.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (atas) dan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (bawah).

BERKENAN BERANGKAT KE UPACARA DIRAJA DAN PANJI-PANJI PASUKAN DIRAJA BRUNEI DAN ANGKATAN TENTERA



BAGINDA ketika berkenan menerima tabik hormat di Upacara Pengantaraan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei bertempat di Penanjong Garison.



BAGINDA menandatangani watan Melayu kali.

PEMBACA palai oleh Mahaleh Majid (1981).

PENGANUGERAHAN PANJI-PANJI ANGKATAN TENTERA LAUT TERA UDARA DIRAJA BRUNEI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan memeriksa perbarisan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (atas) dan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (bawah).



KEBERANGKATAN tiba baginda dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Harimaupadang Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Husin (atas).

BAGINDA ketika berkenan berangkat di Upacara Penganugerahan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei yang dilangsungkan di Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Penanjong Garison (kiri dan bawah).



Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA

ika berkenan
di buku la-
gawai (kiri se-

ikar dike-
man Kolonel
Haji Abdul



BAGINDA ketika berkenan menerima junjung ziarah sebahagian daripada pegawai-pegawai ABDB di majlis ramah mesra yang diadakan di Mes Pegawai Penanjong Garison.

PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK TELEKOM DALAM RKN KE-7 HENDAKLAH LEBIH LICIN

Oleh
Zubaidah HS

JERUDONG, 18 April. — Dalam melaksanakan projek-projek telekom dalam Rancangan Kemajuan Negara Yang Ketujuh yang akan datang, Jabatan Telekom dinasihatkan supaya menitikberatkan tentang pelaksanaan yang boleh menjamin keperluan-keperluan negara, jabatan-jabatan, pihak swasta dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Perkhidmatan tersebut juga hendaklah dipelbagaikan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang terkini lagi canggih, lebih baik daripada ataupun setanding dengan negara-negara yang maju di rantau ini.

Demikian nasihat Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Began Mudim Dato Paduka Haji Bakar kepada Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan ketika berucap melancarkan Perkhidmatan Telefon Bagi Ibusawat, Jerudong di sini.

Dato Paduka seterusnya berharap agar pelaksanaan projek-projek telekom dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-7 hendaklah dilicinkan dan seboleh-bolehnya tanpa 'delay' seperti projek-projek yang berkaitan dengan bangunan-bangunan 'duct' bawah tanah, ibusawat, sistem perhubungan fibre optik, pembahagian loji luar dan sebagainya, yang mana memerlukan penyelenggaraan projek di antara bahagian-bahagian mahupun jabatan-jabatan yang sangat rapi.

Menurut beliau, sebarang kelambatan yang terjadi akan boleh mendatangkan kerugian kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

lam disebabkan oleh kelambatan kutipan hasil, penggunaan tenaga (manpower), dan lain-lain.

Perkara ini tegas Dato Paduka adalah penting, bukan sahaja dari segi peningkatan infrastruktur telekomunikasi yang diperlukan, imej Jabatan Telekom dalam pembahagian perkhidmatan-perkhidmatannya yang semakin berkembang.

Walau bagaimanapun semua pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, jelas Dato Paduka hendaklah dilaksanakan dengan wawasan SHUT 2003 Kementerian Perhubungan yang antara lain mempunyai objektif-objektif seperti peningkatan nisbah ataupun 'penetration' talian telefon kepada 45 peratus di samping pembahagian perkhidmatan telekomunikasi tidak mengira tempat dan waktu; kepelbagaian perkhidmatan dan tidak tertakluk kepada telefon biasa sahaja dan peningkatan infrastruktur bagi perhubungan maklumat antarabangsa yang lebih dikenali sebagai 'Global Information Infrastructure'.

Di majlis itu Dato Paduka juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Jabatan Telekom kerana telah berjaya dalam pelaksanaan projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-6 dengan hasil yang sangat memuaskan.

Menyentuh mengenai Perkhidmatan Telefon Bagi Ibusawat Jerudong, Pemangku Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman menjelaskan bahawa ibusawat tersebut adalah salah satu ibusawat-ibusawat baru yang termasuk di dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-6 yang memakan belanja kira-kira B\$3.36 juta. Iaitu B\$1.5 juta bagi bangunan, B\$1.7 juta bagi peralatan-peralatan 'switching' serta B\$0.16 juta bagi peralatan-peralatan 'transmission'.

Ibusawat Jerudong menurut beliau mula beroperasi kepada pelanggan pada bulan Oktober 1995 dan pada masa ini ia mempunyai keupayaan bagi menampung sebanyak 3,000 talian telefon. Di mana bagi peringkat permulaan ibusawat ini telah pun memberikan perkhidmatan telefon bagi 1,860 pelanggan iaitu 1,200 pelanggan yang telah sedia ada dan 660 pelanggan yang baru.

Walau bagaimanapun ibusawat ini bukanlah ibusawat utama atau 'main exchange' bahkan ia hanya adalah merupakan sebuah RSM (Remote Switching Module atau Modul Penukaran Terasing), jelas Awang Buntar.

Ibusawat ini, jelasnya adalah berhubung dengan ibusawat induk di Sengkang melalui kabel optik fibre sebagai laluan utama dan melalui transmisi radio sebagai laluan sampingan.



IBUSAWAT Jerudong yang termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-6 menelan belanja kira-kira B\$3.36 juta. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub PMHH.

Ahli-ahli pengawasan kejiiran tidak diberi mandat selesaikan kes jenayah

Oleh
Bolhassan HAB

TUTONG, 14 April. — Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Haji Awang Abd. Rahman bin Haji Awang Besar mengingatkan ahli-ahli pengawasan kejiiran bahawa mereka tidak diberi sebarang mandat di segi undang-undang untuk menyelesaikan sebarang kes jenayah.

Tanggungjawab sedemikian, tegas beliau masih lagi kekal di tangan Pasukan Polis Diraja Brunei melalui para pegawai dan anggotanya yang terdapat di mana-mana di negara ini.

Beliau berkata, membuat rondaan pada waktu malam adalah secara sukarela, jika ada masa terluang, tetapi tidak dimestikan.

"Apabila menjalankan rondaan di waktu malam pengawasan kejiiran mestilah memaklumkan tujuan berkenaan kepada balai polis yang terdekat dan setiap ahlinya hendaklah memakai lencana kejiiran yang telah diberikan bagi tujuan pengenalan," tegas beliau.

ketika berucap di Majlis Pembukaan Pengawasan Kejiiran Mukim Tanjung Maya yang berlangsung di Sekolah Rendah Bukit Udal di sini.

Ahli-ahli kejiiran, tambah beliau tidak dibenarkan membuat sekatan-sekatan jalan raya dan membuat penggeledahan ke atas rumah dan kenderaan kerana 'undang-undang cuma memberi kuasa kepada pihak berwajib sahaja'.

Justeru itu ahli-ahli pengawasan kejiiran dikehendaki untuk memaklumkan sebarang kejadian yang tidak diingini kepada pihak polis.

Pesuruhjaya Polis seterusnya menegaskan bahawa fungsi kejiiran ialah untuk meningkatkan kewaspadaan masyarakat dan pendu-

duk di dalam sesebuah kampung dalam memata-matai kampung mereka.

"Jika terdapat sebarang perubahan terhadap suasana aman dan harmoni di kampung mereka ianya hendaklah dilaporkan dengan segera kepada balai polis yang terdekat," jelas beliau.

Pasukan polis, tegasnya akan bertindak secepat mungkin untuk menyelesaikan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Pasukan Pengawasan Kejiiran yang mula ditubuhkan pada tahun 1989 oleh Pasukan Polis Diraja Brunei antara lainnya bertujuan untuk membimbing masyarakat kampung agar berdiskusi di dalam menghadapi masalah kampung.

Selain itu pengawasan kejiiran juga bertujuan untuk memberikan kesempatan kepada generasi muda untuk mengenali tanggungjawab mereka sebagai anak watan negara, di samping

mendidik mereka agar menjadi masyarakat yang berguna di masa yang akan datang.

"Generasi muda kita mestilah sentiasa diingatkan dan disedarkan akan tanggungjawab mereka sebagai harapan kampung dan negara," tambah beliau.

Kampung-kampung di bawah Mukim Tanjung Maya ialah Kampung Penapar, Lubok Pulau, Bukit Udal dan Tanjung Maya.

36 graduan jalani Kursus Pengenalan

Oleh
Abdullah Asgar

GADONG, 15 April. — Graduan-graduan yang baru berkhidmat dengan kerajaan hari ini menjalani Kursus Pengenalan, bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Jalan Kumbang Pasang di sini.

Mereka terdiri daripada 36 graduan baru yang berkhidmat dengan Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Sepanjang kursus mereka akan mendengar ceramah dari penceramah di IPA dan

mengadakan lawatan sambil belajar ke Kementerian dan jabatan kerajaan.

Mereka akan menjalani kursus selama lebih tiga minggu. Antara lain tujuan kursus diadakan bagi memberi kefahaman dan pendedahan yang lebih luas meluas sebelum mereka menjalankan tugas.



PEMANGKU Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Dr. Haji Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal semasa memberikan ceramah kepada graduan-graduan yang baru berkhidmat dengan kerajaan. — Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



ANTARA ratusan sanak saudara yang membanjiri ruang berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar kepada ahli keluarga yang akan menunaikan fardu haji.

SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH HAJI SEMOGA BEROLEH HAJI YANG MABRUR



MEMASTIKAN semua dokumen perjalanan termasuk pasport tidak ketinggalan agar perjalanan semuanya berjalan lancar.



RUANG berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei penuh sesak oleh sanak saudara yang menghantar bakal jemaah haji yang akan berlepas.



SEBAHAGIAN jemaah yang bersedia untuk berlepas meninggalkan negara menuju Jeddah dalam perjalanan menunaikan ibadah kelima dalam rukun Islam, iaitu ibadah haji.



SUDAH menjadi kelaziman, berziarah di antara keluarga sebelum meninggalkan negara untuk menunaikan fardu haji.



MELANGKAH dengan tenang sebagai tetamu Allah.



IRINGAN tangisan bukan bermakna sedih tetapi terharu kerana perjalanan menunaikan ibadah haji adalah jihad ke jalan Allah.

Hadiri Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 April. — Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan rombongan berlepas ke Bangkok, Thailand pagi ini untuk menghadiri Mesyuarat

Menteri-menteri Buruh ASEAN Kali Ke-11.

Mesyuarat tersebut akan berlangsung pada 24 hingga 25 April 1996.

Terdahulu dari itu pada 22 hingga 23 April 1996 mesyuarat pegawai-pegawai kanan telah diadakan yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin.

Rombongan dijangka pulang ke tanahair pada 27 April ini.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Perkembangan sains dan teknologi penting bagi pembangunan negara

Oleh
Haji Ahmad HS

GADONG, 21 April. — Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan hari ini yang berlangsung di Bilik Persidangan Pusat Serantau SEAMEO-VOCTECH di sini.

Mesyuarat agung kali ke-19 telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden BASE, Dayang Hajjah Aishah binti Haji Muhd. Hussain dan kemudian diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat, Pengarah

Pusat Serantau SEAMEO-VOCTECH, Awang Haji Abdul Ghani bin Haji Omar, antara lain berkata, cabaran adalah amat tinggi khususnya bagi pertubuhan seperti BASE dan SEAMEO-VOCTECH, yang mana kedua-duanya ada hubungkait dengan pendidikan termasuk sains dan teknologi yang mana penting kepada pembangunan mana-mana negara.

Pengarah pusat itu seterusnya menambah sebagai ang-

gota ahli persatuan yang dinamik kita terpaksa mencapai ke arah objektif yang nyata dan jauh demi untuk menyumbang kepada perubahan sains dan teknologi yang kita kenali pasti sebagai penting sejajar dengan aspirasi negara.

Mesyuarat yang ke-19 itu juga membentangkan beberapa agenda termasuk membentangkan mengenai pengesahan minit mesyuarat agung yang ke-18 dan pemilihan ahli jawatankuasa baru persatuan tersebut bagi 1996. Persatuan BASE mula ditubuhkan dalam tahun 1977.

Menjalin hubungan diplomatik

NEW YORK. — Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama Penjalinan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Poland telah diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam, New York pada 20 Mac lalu.

Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sementara Republik Poland telah diwakili oleh Wakil Tetapnya, Tuan Yang Terutama Dr. Zbigniew Maria Wlosowicz.



WAKIL Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad dan Wakil Tetap Republik Poland ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semasa menandatangani Kenyataan Bersama Penjalinan Hubungan Diplomatik antara kedua-dua buah negara di New York. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Ikan-ikan kecil dan kerang-kerang masih dicemari air kemerah-merahan

BERAKAS, 22 April. — Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam kenyataan bersama menjelaskan bahawa maklumat baru yang telah diterima daripada Negeri Sabah menyatakan bahawa ikan-ikan kecil dan kerang-kerang dari Malaysia Timur masih lagi dicemari racun air kemerah-merahan.

Kerang-kerang seperti tiram dan kupang telah di dapati mengandungi tahap racun yang sangat tinggi. Memandangkan keadaan ini,

Jabatan Perikanan masih lagi menguatkuasakan pengharaman ke atas pengimportan semua kerang-kerang. Maklumat yang sama juga menyatakan bahawa ikan-ikan kecil adalah bebas daripada racun air kemerah-merahan. Oleh yang demikian pengharaman pengimportan ikan-ikan rumah adalah dengan ini ditarik balik.

Menurut siaran akhbar hari ini semua ikan termasuk ikan-ikan kecil daripada perairan Negara Brunei Darussalam adalah masih bebas daripada racun air kemerah-merahan. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai adalah dinasihatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ dalam semua ikan-ikan kecil sebelum dimakan.

Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak memakan kerang-kerang seperti tiram, tembak, kupang dan lain-lain yang datang dari Malaysia Timur dan tempat yang tidak diketahui tempat asalnya.

Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan sentiasa memaklumkan kepada orang ramai tentang sebarang perkembangan dari masa ke semasa.

KUIZ 'KENALI NEGARA KITA' MENARIK MINAT PENONTON

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kuiz televisyen 'Kenali Negara Kita' yang rakaman bagi pusingan awal dari siri pertama hingga siri ketiga telah selesai ditayangkan di televisyen Brunei mendapat peminat dari segenap peringkat.

Johan kuiz 'Kenali Negara Kita' akan menerima piala rebutan kurnia Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, satu set komputer bersama printer sumbangan jurutera tempatan, buku 'Brunei Darussalam' sumbangan Syarikat Brunei Shell Petroleum serta wang tunai \$1,500.00.

PELITA BRUNEI yang mengadakan temubual secara rambang mendapati kebanyakan orang mengatakan bahawa kuiz serupa ini sangat berfaedah kerana ianya memberikan maklumat hal ehwal semasa negara yang setengah orang sudah lupa di samping menguji kepintaran seseorang penuntut.

"Sejak kuiz ini ditayangkan pada malam Sabtu akhir Januari yang lalu, saya sentiasa mengikutinya. Ianya memberi pengetahuan serta menguji tahap pengetahuan sejarah negara," kata Awang Ramli bin Ahmad, 28 tahun, seorang pekerja swasta dalam bidang komputer. Awang Ramli mempunyai diploma dalam elektronik komputer.

Seorang penuntut tingkatan IV dari Maktab Sultan Omar

Ali Saifuddin pula berkata, "Kuiz ini membuka minda kami untuk lebih mengetahui perkembangan semasa negara."

Siri pertama pusingan awal kuiz 'Kenali Negara Kita' mula ditayangkan pada malam Sabtu, jam 7.30 malam pada 27 Januari yang lepas, lalu siri-siri selanjutnya terus disiarkan pada setiap malam Sabtu hingga siri ketiga belas pada 20 April lepas.

Kuiz 'Kenali Negara Kita' diusahakan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama RTB, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, serta Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Kuiz 'Kenali Negara Kita' bertujuan untuk meluaskan pengetahuan hal ehwal semasa negara dan tatarakyat terutama di kalangan para penuntut sekolah menengah.

Kuiz ini juga menggalakkan para penuntut membuat penyelidikan dan pengkajian mengenai negara mereka sendiri serta menanamkan minat membaca di samping menggalakkan para penuntut sekolah membaca akhbar rasmi kerajaan iaitu PELITA BRUNEI.

Kuiz yang dibukukan kepada sekolah-sekolah menengah seluruh negara (kerajaan dan bukan kerajaan) menghendaki para pesertanya membuat penyelidikan/pembacaan keluaran-keluaran PELITA

BRUNEI bagi memberi mereka laluan untuk menemukan jawapan.

Dalam pusingan awal yang melibatkan 26 buah sekolah, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Bandar Seri Begawan memperoleh markah keseluruhan yang paling tinggi iaitu 74 markah.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan memperoleh markah keseluruhan sebanyak 67, ini diikuti dengan Sekolah Saint Andrew, Bandar Seri Begawan dengan jumlah markah keseluruhan 63 bagi pusingan awal.

Rakaman bagi pusingan kedua kuiz 'Kenali Negara Kita' akan mula ditayangkan pada 27 April ini dengan dua belas buah pasukan yang menang dalam pusingan awal akan mengambil bahagian.

Antara pasukan yang akan bertanding dalam pusingan kedua ini ialah Sekolah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan; Maktab Anthony Abell; Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong; Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan lain-lain lagi.

Manakala Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang mendapat markah tertinggi dalam pusingan awal adalah berjaya ke pusingan ketiga peringkat suku akhir sebagai pasukan menunggu.

"Saya tidak duga penuntut cepat dan tepat menjawab soalan mengenai diri saya," kata salah seorang ketua kampung apabila mendengar jurukuit 'Kenali Negara Kita' mengemukakan soalan mengenai lantikannya sebagai ketua kampung, saya bangga bila nama saya tepat disebut oleh penuntut."

Seorang nenek, Dayang Hajjah Siti Hawa binti Haji Samad pula berkata, "Budak-budak sekarang pintar-pintar, belum habis soalan sudah dapat menjawab. Nenek kagum dengan kebolehan mereka."



KUIZ 'Kenali Negara Kita' yang diusahakan oleh Jabatan Penerangan dengan kerjasama RTB, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama menarik minat penonton.

Lantikan, pertukaran pegawai kanan kerajaan

BERAKAS, 17 April. — Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan bagi lantikan dan pertukaran pegawai-pegawai berikut:

Awang Johan Thani bin Haji Abdullah, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas ditetapkan dalam jawatannya dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 8 Jamadilakhir 1416 bersamaan dengan 1 November, 1995.

Awang Sumadi bin Sukaimi, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pengarah Belia dan Sukan mulai 25 Rejab 1416 bersamaan dengan 18 Disember, 1995.

Awang Japar bin Bangkol, Pemangku Timbalan Pengarah Penjara ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pengarah Penjara mulai 27 Jamadilakhir 1416 bersamaan dengan 20 November, 1995.

Tabung Anak Yatim terima sumbangan derma

PULAIE, 17 April. — Sejak awal tahun ini Tabung Anak Yatim Negara Brunei Darussalam telah menerima sumbangan derma berjumlah lebih \$200,000 dari para pendermata di seluruh negara.

Hari ini satu majlis penyampaian derma telah berlangsung di Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Derma sejumlah \$2,700 hasil kegiatan readathon Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Lambak Kanan itu telah disampaikan oleh Ketua Penuntut, Dayang Hajjah Hadijah

binti Haji Abdul Rahman kepada Ketua Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajjah Zaleha binti Haji Mohiddin.

Hadir di majlis itu termasuklah beberapa orang pegawai dari Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat serta dua orang guru kanan sekolah berkenaan.



KETUA Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajjah Zaleha binti Haji Mohiddin ketika menerima sumbangan derma yang disampaikan oleh Ketua Penuntut Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Lambak Kanan, Dayang Hajjah Hadijah binti Haji Abdul Rahman.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Omar ketika menyampaikan cenderamata dan sijil kepada salah seorang peserta Bengkel Penulisan Esei Budaya dan Skrip Drama Pentas. — Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Projek CoRT akan dilaratkan ke beberapa buah sekolah

Oleh
Zubaidah HS

BERAKAS, 15 April. — Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajjah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat berkata Projek CoRT yang dilaksanakan pada tahun 1993 di enam buah sekolah menengah di negara ini dijangka akan dilaratkan ke beberapa buah sekolah menengah yang lain pada tahun 1997.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini tertakluk kepada hasil analisis ujian-ujian Pre-Test dan Post-Test dari tahun 1993 hingga 1996, jelas Pengiran Datin Paduka.

Perkara ini perlu memandangkan dari laporan-laporan yang diterima, jelas Pengiran Datin Paduka, sekolah-sekolah yang melaksanakan Projek CoRT menunjukkan bahawa CoRT pada umumnya bermanfaat bagi pelajar-pelajar.

Dari itu katanya, lebih ramai guru-guru akan diberi bengkel dalam CoRT 'tool' dan penggunaannya dalam beberapa mata pelajaran pada tahun 1997 itu.

"Dengan pengaliran projek ini nanti, insya-Allah, lebih ramai lagi pelajar-pelajar akan terdedah kepada cara berfikir yang baik serta berkesan," tegas Pengiran Datin Paduka ketika berucap merasmikan



Bengkel CoRT In House Training yang berlangsung di Sekolah Menengah Berakas, Isnin lepas.

Pengiran Datin Paduka berpendapat daya fikir dinamik melalui pendedahan dalam projek CoRT adalah mustahak disemai dari peringkat persekolahan lagi agar pelajar-pelajar akan lebih yakin menghadapi cabaran-cabaran sebagai anggota masyarakat yang penuh bertanggungjawab dalam sebuah negara yang membangun, lebih-lebih lagi pelajar-pelajar hari ini adalah merupakan bakal pemimpin negara akan datang.

Menurut beliau CoRT adalah satu projek Kementerian Pendidikan yang mula dilaksanakan pada tahun 1993 di enam buah sekolah menengah termasuk sebuah sekolah bukan kerajaan.

Pada waktu itu jelasnya, CoRT telah diawasi oleh seorang konsultan dari United Kingdom dan Jabatan Perkembangan Kurikulum dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pelaksanaan projek tinitis ini. Manakala Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah terlibat dalam penyediaan projek, sementara Universiti Brunei Darussalam mempunyai peranan penting dalam membantu Jabatan Perkembangan Kurikulum membuat penganalisan ujian-ujian untuk penilaiannya.

Sejak tahun 1995, projek ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum tanpa perkhidmatan konsultan.

Mengendalikan satu projek

Manfaatkan semua pengetahuan, ilmu yang diperolehi

Oleh
Zubaidah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 April. — Bengkel Penulisan Esei Budaya dan Skrip Drama Pentas yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khusus untuk penulis-penulis tempatan awam April lalu telah berakhir hari ini dengan melahirkan lebih ramai para penulis yang berkaliber.

Bengkel selama 10 hari itu telah disertai oleh kira-kira 45 orang penulis tempatan yang kebanyakannya adalah terdiri dari bakat-bakat baru.

Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh dua pembimbing iaitu Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid bagi Bengkel Penulisan Esei Budaya dan Penulis Skrip Drama terkenal dari Malaysia, Haji Ayed Alwi, bagi Bengkel Skrip Drama Pentas.

Para peserta dan pembimbing bengkel di majlis penutup tersebut telah menerima cenderamata dan sijil masing-masing yang disempurnakan oleh

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Omar di Dewan Air Muleh Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Dato Paduka Awang Haji Metussin ketika memberikan ucapan di majlis itu penuh berharap agar para peserta bengkel akan dapat memanfaatkan semua pengetahuan dan ilmu yang diperolehi untuk membina masyarakat yang berguna kepada bangsa dan negara.

Di majlis itu tiga skrip esei budaya dari peserta bengkel telah dipilih sebagai skrip terbaik. Skrip-skrp tersebut hasil tulisan Dayangku Masni binti Pengiran Haji Damit, Dayang Rasiyah binti Haji Ibrahim dan Dayang Noraini binti Muhiddin.

inovasi seperti Projek CoRT tanpa konsultan adalah satu tanggungjawab yang mencabar.

"Walaupun bagaimanapun, Alhamdulillah, berkat azam yang kuat serta sokongan yang padu dari pengetua-petua, penyelia-penyelia yang terdiri dari pegawai-pegawai Jabatan Perkembangan Kurikulum, Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah dan guru-guru kanan sekolah-sekolah rintis, serta guru-guru CoRT, cabaran tersebut telah dapat dihadapi serta diatasi," tegas Pengiran Datin Paduka.

Di majlis itu Pengiran Datin Paduka juga telah memaklumkan bahawa pada penghujung tahun ini jabatannya telah merancang untuk mengadakan majlis penyampaian sijil kepada pegawai-pegawai dan guru-guru yang mengikuti sepenuhnya bengkel CoRT, di samping beberapa buah pameran serta menerbitkan CoRT Newsletter dengan tujuan untuk mendedahkan projek ini kepada lain-lain sekolah atau institusi, guru-guru, pelajar-pelajar, para pendidik, ibu bapa dan masyarakat di negara ini.

Pengetua Sekolah Menengah Berakas, Pengiran Haji Mohd. Daud bin Pengiran Haji Puteh, ketika memberikan ucapan aluan di majlis perasmian bengkel itu berkata bahawa tujuan utama bengkel tersebut diadakan ialah untuk meneruskan kesinambungan pelaksanaan pengajaran CoRT di sekolah-

SEBAHAGIAN guru dari sekolah-sekolah menengah CoRT dan bukan CoRT semasa menghadiri pembukaan rasmi Bengkel CoRT In House Training. — Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

sekolah CoRT bagi Fasa IV bagi 'Perceptual Breadth', di samping menyebarkan penggunaannya di sekolah-sekolah bukan CoRT.

Dengan itu juga katanya, sekolah-sekolah CoRT akan dapat meningkatkan prestasi serta meningkatkan guru dengan kaedah pengajaran yang menggunakan CoRT, supaya mereka layak dan menjadi yakin dan mempunyai skill atau kepakaran yang betul dalam pengajaran mereka.

Di samping itu ia juga bertujuan untuk menyebarkan penggunaan CoRT sebagai 'creativity' dalam bidang pengajaran dan pembelajaran dalam subjek-subjek lain seperti sejarah geografi dan lain-lain selain dari bahasa Inggeris, sains dan matematik yang berjalan ketika ini.

Bengkel yang akan berlangsung selama tiga bulan itu telah dihadiri oleh kira-kira 25 orang guru-guru dari sekolah-sekolah menengah CoRT dan sembilan orang guru sekolah menengah yang bukan CoRT iaitu sebagai pemerhati. Ianya telah dikendalikan oleh lima orang guru dari sekolah-sekolah menengah CoRT.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Harimaupadang Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Husin bin Ahmad semasa menyempurnakan kenaikan pangkat kepada Mejar Mahaleh bin Haji Abd. Majid.

Dinaikkan pangkat

BERAKAS, 12 April. — Tiga orang mejar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dinaikkan pangkat kepada Pemangku Leftenan Kolonel yang berkuatkuasa pada 1 April, 1996.

Mereka ialah Mejar Haji Mohd. Shahan bin Hidup, Mejar Mahaleh bin Haji Abd. Majid dan Mejar Zainal bin Haji Harun. Kenaikan pangkat mereka disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Harimaupadang Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Husin di satu majlis yang berlangsung di Berakas Garison di sini.

Di majlis itu Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga telah menyam-

Oleh
Bolhassan HAB

paikan sijil perlantikan kepada enam orang leftenan muda yang ditauliahkan sebagai pegawai dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Penerima-penerima sijil perlantikan sebagai pegawai ialah Leftenan Muda Awang Saiful Rizal bin Pengiran Julaihi, Leftenan Muda Sofian bin Haji Mohd. Yassin; Leftenan Muda Haji Ahmad Fairuz bin Haji Zainal; Leftenan Muda Zulkefli bin Haji Bujang; Leftenan Anizam bin Haji Mamit dan Leftenan Muda Haji Hishamuddin bin Abidin.

Empat perkara penting bagi kerukunan keluarga

KUALA BELAIT, 14 April. — Seminar Menghadapi Perubahan anjuran Persatuan Siswazah Wanita Brunei diteruskan lagi kali kedua bagi Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Raya Pejabat Daerah Belait di sini.

Seminar bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Siswazah Wanita, Dayang Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny yang antara lain berkata, bahawa seminar tersebut disertai oleh tiga kumpulan iaitu kumpulan pertama terdiri wanita-wanita yang bercerai dan kehilangan suami, kedua ialah terdiri guru-guru kaunseling di sekolah-sekolah dan ketiga ialah wakil-wakil daripada jabatan-jabatan dan persatuan-persatuan kebajikan.

Kemudian ia diikuti dengan ceramah khas yang bertajuk 'Kerukunan Rumahtangga' yang disampaikan oleh Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman yang antara lain berkata, ada empat perkara penting bagi kerukunan keluarga seperti mana yang disebut dalam Al-Quran iaitu berkasih sayang, bertimbang rasa, mewujudkan ketenangan dan hidup bersama suami isteri, berdasarkan nilai-nilai Islam.

"Insya-Allah jika kita mengamalkan keempat-empat perkara tersebut dan kita hayati, maka pergeseran dalam rumahtangga

Oleh
Haji Ahmad HS

dapat dikurangkan dan pencerai- rai akan dapat dielakkan," jelas Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon.

Beliau juga menambah bahawa pencerai- rai suami isteri yang sering berlaku ketika ini, akan membawa kesan yang negatif serta membebaskan kepada mangsanya, bangsa dan agama serta akan menimbulkan imej yang tidak baik.

Dalam mengatasi keretakan rumahtangga, Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon menyarankan supaya menggunakan pemikiran yang matang dan tenang dan juga melalui peraturan dan undang-undang.

Seminar yang diadakan bertujuan untuk mengajar mereka bagaimana membuat perancangan yang bermakna untuk masa hadapan, memberi pengetahuan tentang cara pengurusan kewangan mereka pada peringkat awal dalam hidup mereka, memimpin mereka dalam mendapatkan khidmat nasihat, menggalakkan mereka untuk lebih berinisiatif seperti melakukan kegemaran baru, mempelajari kemahiran baru dan sebagainya dan membuat mereka lebih mengetahui tentang perkembangan-perkembangan baru yang berlaku di sekeliling mereka.

Peraduan dan Pameran Fotografi 1996

Oleh
Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 April. — Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam buat kali pertamanya menganjurkan 'Peraduan dan Pameran Fotografi 1996' yang terbesar seumpamanya dengan Kerajaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Peraduan tersebut diadakan bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-50 Tahun.

Peraduan kali ini dibuka kepada jurugambar-jurugambar dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ia dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu gambar dan slaid warna untuk Brunei-Malaysia yang bertemakan 'Kehidupan dan Air', gambar warna Brunei saja dengan temanya 'Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bersama Rakyat', gambar warna Brunei saja temanya 'Brunei Hari Ini', gambar warna untuk VIP Brunei bebas dan gambar atau slaid warna khas untuk ahli-ahli PFNBD saja juga bebas.

Kenyataan ini telah dibuat oleh pengurus peraduan, Awang Mohd. Yusof bin Haji Yassin di satu sidang akhbar kepada pemberita, di salah sebuah hotel di ibu negara di sini.

Katanya, peraduan kali ini tidak menetapkan tempat untuk menjadi tumpuan jurugambar. Ia tertakluk kepada kebijaksanaan setiap peserta asalkan ia asli bukan tiruan.

Tambahnya, borang peraduan boleh didapati di setiap kedai gambar seluruh negara ataupun dari PFNBD sendiri. Tarikh tutup penyertaan pada 25 Jun, 1996.

Sementara penghakiman akan dibuat empat hari kemudian. Gambar-gambar yang berjaya akan dipamerkan kepada orang ramai di tiga tempat iaitu Kompleks Perdagangan dan Komersil ibu negara pada bulan Ogos, Tutong dan Belait pada bulan September.

Peraduan yang terbesar ini ditaja penuh oleh sebuah syarikat tempatan dalam bidang pembuatan tangki air.

Ketenteraman, keselamatan antara matlamat yang hendak dicapai

SERIA, 20 Mac. — Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar berkata bahawa matlamat yang hendak dicapai dalam penerapan falsafah Melayu Islam Beraja ialah ketenteraman, keselamatan, kebajikan, kebahagiaan dan hubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati.

Hal ini dijelaskan oleh beliau ketika memberikan ceramah mengenai struktur pemerintahan dan sistem pentadbiran Kerajaan Negara

Brunei Darussalam dan kaitannya dengan Melayu Islam Beraja kepada pegawai-pegawai dan kakitangan berkemahiran yang baru berkhidmat dengan Syarikat Minyak Brunei Shell di sini hari ini.

Awang Haji Junaidi menerangkan bahawa titah pema-syuran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984 antara lain menjelaskan:

* Negara Brunei Darussalam dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan untuk selamalamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri."

Mengenai dengan struktur pemerintahan dan pentadbiran, Awang Haji Junaidi berkata, kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak di dalam tangan sultan.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan menerangkan bahawa dalam menjalankan serta melaksanakan kuasa-kuasa memerintah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dibantu oleh Majlis Ugama Islam, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri.

"Tapi Majlis Mesyuarat Negeri digantung pada 13


Februari, 1984. Ini bererti walaupun Majlis Mesyuarat Negeri digantung, tugas dan majlis itu dijalankan oleh sebuah badan yang dinamakan Badan Berkuasa Membuat Undang-Undang Melalui Perintah Darurat, Bab 83 yang diisytiharkan melalui Warta Kerajaan bertarikh 20 Mac, 1984 di mana nampak pada masa ini berjalan terus secara berkesinambungan," tambah Awang Haji Junaidi.

Perlembagaan 1959 menetapkan asas yang kukuh terhadap falsafah Melayu Islam Beraja di mana bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi, agama Islam menjadi agama rasmi, Sultan sebagai Ketua Ugama Islam, Sultan sebagai Pemerintah Tertinggi, lantikan Perdana Menteri hendaklah seorang Melayu beragama Islam dan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Akta Taraf Kebangsaan 1961 telah memberi pengiktirafan ke atas 7 rumpun bangsa Melayu, terang Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.

Walau bagaimanapun falsafah Melayu Islam Beraja, ujar Awang Haji Junaidi, tidak mengetepikan hak orang-orang bukan Islam. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberikan perlindungan undang-undang, mereka berhak mendapatkan pekerjaan yang sesuai dan diperlukan, mereka boleh memiliki harta mengikut lunas undang-undang dan kemahiran.

Di samping itu orang-orang bukan Islam juga bebas mengamalkan kepercayaan dan agama masing-masing, bukan dengan tujuan mengembangkannya dan mempropagandakannya, kata beliau.

Oleh itu orang-orang yang bukan Melayu dan bukan beragama Islam tidak sepatutnya merasa takut dan gusar dengan falsafah Melayu Islam Beraja malah akan sanggup menerimanya sebagai panduan dan cara hidup bernegara dan berkerajaan, terang Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar semasa memberikan ceramah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan berkemahiran yang baru berkhidmat dengan Syarikat Minyak Brunei Shell.

Kunjungan hormat

Oleh
Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 April. — Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap menerima kunjungan hormat dari Senator William George O'chee, Ahli Perwakilan Queensland di Dewan Senate Australia di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Jalan Subok di sini hari ini.

Di majlis itu Senator William George O'chee, Ahli Perwakilan Queensland di Dewan Senate Australia di Jalan Subok di sini hari ini.

Senator William George O'chee, Ahli Perwakilan Queensland di Dewan Senate Australia di Jalan Subok di sini hari ini.

Negara Brunei Darussalam dan Australia menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1984.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap menerima kunjungan hormat Senator William George O'chee, Ahli Perwakilan Queensland di Dewan Senate Australia di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh Halim HS.

Peraduan Menulis Skrip Khutbah Jumaat dan Skrip Drama Radio

BERAKAS. — Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam usahanya untuk memupuk bakat dan kebolehan di kalangan para penulis, pegawai-pegawai dan masyarakat umum kini sedang menganjurkan Peraduan Menulis Skrip Khutbah Jumaat dan Skrip Drama Radio yang berunsur keagamaan iaitu agama Islam.

Peraduan dianjurkan adalah bersempena dengan Sambutan Israk Mikraj Bagi Tahun 1416 Hijrah bersamaan dengan tahun 1996 Masihi. Menurut pihak penganjur peraduan adalah bertujuan untuk memeriahkan sambutan Israk Mikraj dengan kegiatan yang berkebadikan. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan penulis memberikan sumbangan dalam bidang dakwah melalui penulisan.

Menurut Pusat Da'wah Islamiah lagi, ia juga bertujuan untuk mendapatkan bahan bagi khutbah Jumaat dan drama radio yang berunsur keagamaan. Peraduan juga dihasratkan sebagai sumbangan ke arah memperbanyak dan meningkatkan mutu bidang penulisan di negara ini secara keseluruhan.

Mereka yang berminat yang terdiri dari warga negara Brunei Darussalam yang berumur tidak kurang dari 15 tahun adalah dialu-alukan untuk menyertai peraduan berkenaan. Borang dan syarat penyertaan bolehlah diperolehi daripada Pusat Da'wah Islamiah di Kampung Pulaie, Berakas. Borang penyertaan yang lengkap diisi bersama dengan hasil tulisan hendaklah dihantar dan sampai kepada setiasa peraduan tidak lewat dari 3 Jun, 1996. Hadiah-hadiah yang menarik juga disediakan bagi kedua-dua peraduan.

Mereka yang berminat yang terdiri dari warga negara Brunei Darussalam yang berumur tidak kurang dari 15 tahun adalah dialu-alukan untuk menyertai peraduan berkenaan. Borang dan syarat penyertaan bolehlah diperolehi daripada Pusat Da'wah Islamiah di Kampung Pulaie, Berakas. Borang penyertaan yang lengkap diisi bersama dengan hasil tulisan hendaklah dihantar dan sampai kepada setiasa peraduan tidak lewat dari 3 Jun, 1996. Hadiah-hadiah yang menarik juga disediakan bagi kedua-dua peraduan.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA....

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "ATASI GEJALA SOSIAL MENERUSI KUALITI KEKELUARGAAN". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

NYATANYA dunia sekarang begitu maju dan berkembang dengan pesatnya. Penemuan-penemuan baru di samping sains dan teknologi sangat canggih dan amat membanggakan. Akibatnya penghuni dunia sibuk mengejar kejayaan, pangkat dan nama kerana itu adalah tiket untuk hidup senang. Tetapi di sebalik kemajuan dan kesibukan itu banyak manusia yang tersilap dan alpa tentang tugas dan tanggungjawab dalam dunia berkeluarga. Bukan sedikit jumlah keluarga yang senang dan dipandang tinggi itu sebenarnya rabuk di dalam.

Di negara kita pun masalah seperti ini juga semakin nyata dan semakin berleluasa. Kes-kes yang berbangkit dengan dadah, ubat batuk dan menghidu gum tidak pernah lekang dari telinga kita. Tidak kurangnya pula dengan kes rogol, lari dari rumah, lepak, curi, bunuh, penderaan dan bermacam-macam lagi.

Sebenarnya semua ini berpunca dari corak atau keadaan keluarga itu sendiri. Bila disingkap betul-betul, gejala sosial ini akan berkocak bilamana ada yang pincang dalam pentadbiran sesebuah keluarga itu. Bila keadaan itu sudah semakin parah maka penglibatan ke arah jurang yang hinalah jawabnya.

Jadinya untuk menangani masalah ini usaha untuk membentuk sebuah keluarga yang berkualiti sangat mustahak di samping cara yang lain. Tetapi apakah kualiti berkeluarga itu? Keluarga yang berkualiti ialah bilamana penghuni atau ahlinya tahu dan sedar akan peranan masing-masing dan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk menghidupkan suasana yang harmoni dalam berkeluarga sehingga di hati mereka tersemat semangat berkeluarga yang teguh dan tidak pernah terlintas untuk memalukan keluarga dengan mencari penyelesaian luar yang tidak baik (terlibat dengan gejala sosial).

Namun begitu untuk membentuknya bukanlah suatu perkara yang mudah. Tetapi 'kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagu.' Tanpa ada kesungguhan yang mutlak, impian untuk membentuk 'kualiti berkeluarga' itu akan berkubur dan hanyut begitu saja.

Dalam usaha membentuk kualiti berkeluarga ini para ibu bapa atau ketua rumah merupakan aset penting yang benar-benar bertanggungjawab menjadi terajunya. Mereka mesti memberi didikan rohani dan jasmani dan ajaran agama yang cukup kepada anak-anak sedari kecil lagi agar mereka terbiasa membuat kebaikan dan dapat menilai mana kaca dan mana permata. Pemberian kasih sayang yang seimbang juga penting agar tidak ada yang merasa tersisih dan disisihkan. Contoh teladan yang baik harus diberikan kepada mereka.

Peranan para guru dan intelektual juga penting dalam membantu menangani masalah ini. Didikan di sekolah janganlah hanya semata-mata berteraskan pencapaian akademik tetapi jauh daripada itu lagi. Penerapan nilai-nilai hidup yang baik bagi memberi santapan jiwa dan fikiran agar sentiasa segar dan berawak sempurna perlu ditanamkan terhadap penuntut agar mereka tidak mudah tergelincir dari sempadan kemanusiaan dan tatasusila.

Para golongan muda dan remaja janganlah pula membebaskan segala usaha di kalangan orang tua dan guru saja tanpa bertanya apakah sumbangan mereka. Mereka mesti sedar dan peka pada kehidupan berkeluarga. Jangan hanya pandai menyalahkan orang saja.

Sepatutnya mereka tahu siapa diri mereka dan mereka mesti meletakkan konsep 'yang tua dituakan dan yang muda dimudakan.' Sebagai pewaris hari esok janganlah hanya disebabkan masalah berkeluarga yang kecil mereka jadi jauh hati dan membuat perkara yang tidak baik.

Hidup berkeluarga diumpamakan seperti 'aur dengan tebing' sentiasa bantu-membantu dan tolong-menolong. Dalam pada itu juga kita tidak pernah lepas dari membuat kesilapan. 'Bumi mana

yang tidak ditimpa hujan dan gading mana yang tidak retak.' Jadi apa yang penting dalam membentuk keluarga yang berkualiti ialah pengertian dan pemahaman di antara ahli-ahlinya agar gejala sosial yang tidak diinginkan dapat dielakkan.

Awang Abdul Samat bin Banin,
No. 15 Gl, Kg. Sungai Kedayan 'A',
Bandar Seri Begawan 2083.

KEMANTAPAN dan kesempurnaan institusi keluarga adalah teras pembangunan masyarakat dan negara. Dalam erti kata lain, kualiti berkeluarga mestilah sentiasa kukuh dan padu bagi menangkis gejala sosial yang melanda masyarakat masa kini.

Di samping itu ketahanan mental dan fizikal serta kekuatan iman melalui pendidikan agama perlulah senantiasa ada bagi menangani gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, bohsia, lepak, pemugut dan sebagainya yang mudah menjadi ulam kepada kelemahan bangsa dan negara.

Kualiti berkeluarga bermula dari rumah dan peranan ibu bapa sangatlah penting bagi membina institusi keluarga yang berkualiti tinggi. Pembentukan peribadi mulia adalah intipati yang perlu disalurkan kepada anak-anak di mana ibu bapalah yang mesti memperlihatkan contoh dan teladan yang baik.

Pendidikan akhlak dan moral bukan saja boleh menguatkan institusi dan kualiti berkeluarga malah ianya adalah satu benteng yang kukuh bagi setiap individu itu dari terlibat dengan gejala sosial yang jika tidak dicegah, berkemungkinan boleh merosakkan bangsa dan negara sama ada dari segi ekonomi dan pembangunan.

Bagi mengatasi gejala sosial dari terus membelenggu arus pembangunan masyarakat, maka kita haruslah membina minda setiap individu dari awal-awal lagi supaya lebih futuristik.

Tanamkan sifat kekitaan, patriotik dan nasionalis. Bina semangat ketahanan diri bagi mengelakkan pengaruh budaya luar yang berunsur negatif.

Dari segi kualiti berkeluarga, pastikan ibu bapa mempunyai cukup waktu untuk berinteraksi dengan anak-anak, membimbing dan menunjuk-ajar di mana yang patut, selaras dengan tuntutan yang diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Oleh yang demikian, kita mestilah menghindari dan mengatasi masalah sosial ini demi menyelamatkan rumpun bangsa kita dengan cara turun ke gelanggang bagi mengenal pasti di mana punca sebenar dan bukannya hanya sebagai 'arm chair planners'.

Dayang Hafizah Nurhaziyah binti Abdullah,
No. 665-11, Spg. 665, Lot 4690,
Kg. Bangsingong Keriam,
Tutong 5180.

DI DALAM masyarakat kini yang serba kompleks, di mana terdapatnya semua lapisan, memang terwujudlah bermacam-macam masalah, termasuklah gejala sosial. Lazimnya, gejala sosial akan melibatkan pelanggaran undang-undang, atau dalam erti kata yang lain, jenayah.

Perhubungan di antara masyarakat dan jenayah adalah begitu rapat sehingga terdapatnya ahli pengkaji masyarakat yang percaya bahawa jenayah tidak akan wujud tanpa masyarakat.

Inilah hubungan rapat di antara masyarakat dan jenayah, kita boleh mengkaji gejala sosial yang boleh didapati dalam masyarakat dan satunya cara untuk mengatasinya — menerusi kualiti berkeluarga.

Antara gejala sosial yang sering kita dengari meliputi; memakan dadah, menghidu gum, minum arak, berjudi, pemugutan, pergaduhan, penderaan anak, persetubuhan haram dan sebagainya. Semua gejala ini bukan saja boleh dilakukan oleh muda-mudi, malah, oleh orang dewasa. Maka ianya meresapi masyarakat pada keseluruhannya.

Yang demikian, keluarga, sebagai satu bahagian masyarakat,

TAJUK-TAJUK AKAN DATANG

1. 'Belia Perlu Bersikap Proaktif dan Berfikir Global.' Tarikh tutup, 28 April, 1996.

2. 'Semangat Rajin Bekerja dan Memanfaatkan Peluang Ekonomi Perlu Ditingkatkan.' Tarikh tutup, 5 Mei, 1996.

3. 'Golongan Belia Berperanan Dalam Mengatasi Pemborosan dan Inflasi.' Tarikh tutup 12 Mei, 1996.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 250 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, 2041,
Negara Brunei Darussalam.

di mana setiap keluarga dikumpulkan akan membentuk masyarakat, adalah penting bagi mengatasi gejala sosial.

Adalah tidak dapat disangkal bahawa keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan akhlak kita. Jikalau sesuatu keluarga terdapat banyak masalah seperti pertengkaran ahli keluarga, khususnya, di antara ibu bapa yang kemudian menyebabkan perceraian; kekurangan kasih sayang; kekurangan ajaran, perhatian dan penjaan, khususnya kepada anak-anak; kekurangan pendidikan dari segi agama dan moral — semua ini akan memberi pengaruh yang kurang baik terhadap ahli keluarga dan menyebabkan kekusutan fikiran, tekanan jiwa, keinginan untuk melawan, lalu mengakibatkan ahli keluarga melakukan gejala-gejala sosial yang tersebut di atas.

Dari aspek negatif ini, ianya memberi amaran kepada kita tentang betapa buruknya dengan adanya unsur-unsur yang buruk itu di dalam sesuatu keluarga. Maka, kita perlulah mengambil aspek keluarga yang positif dalam mengatasi masalah ini.

Yang penting, ahli keluarga mesti mempunyai pendidikan agama kerana agama memberi ajaran yang baik bagi pedoman hidup. Juga, keluarga itu mesti mempunyai kasih sayang dan persefahaman di antara ahli keluarga, khususnya, bagi ibu bapa.

Ibu bapa perlu memberi masa, perhatian, ajaran, penjaan dan pendidikan kepada anak-anak mereka, maka anak-anak merasa yang dia kepunyaan keluarga itu. Dan diikuti dengan kurangnya pertengkaran, ini akan meningkatkan persefahaman ahli keluarga.

Sun Tze Yun,
Mahkamah Majistret,
Jabatan Kehakiman,
Bandar Seri Begawan, 2056.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan merenjis air mawar di Upacara Penganugerahan Panji-Panji Diraja dan Panji-Panji Pasukan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei yang dilangsungkan di Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Penanjong Garison. — Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Berkenan berangkat ke Upacara Penganugerahan Panji-Panji

Dari muka 1

Bagi menyaksikan kehebatan KDB PAHLAWAN pada Oktober 1972, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat secara dekat menyaksikan latihan menembak peluru berpandu SS-1 dan SS-12 di atas kapal KDB PAHLAWAN.

Pada Jun 1975, pentadbiran Angkatan Laut pertama telah berpindah ke pangkalan baru yang ada pada masa ini. Pada tahun 1978 dan 1980 unit ini menerima lagi kapal peluru berpandu yang serba moden iaitu KDB WASPADA, PEJUANG dan SETERIA yang memiliki peluru berpandu 'Exocet' dari darat ke darat dan senjata 30mm.

Sementara itu dalam tahun 1983 sebagai negara siap berjaga-jaga dan waspada dari sebarang musuh, pentadbiran Tentera Laut telah diambil alih anak tempatan selaku pemrintah pertama. Beliau ialah

Yang Dimulikan Pehin Datu Juragan Laila Diraja Leftenan Kolonel Haji Awang Kefli hingga Oktober 1986.

Kini Tentera Laut Askar Melayu Diraja Brunei dikenali sebagai Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei di bawah pemerintah Kolonel Awang Haji Abd. Jalil bin Haji Ahmad.

Manakala itu sejarah tubuhnya Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei ialah pada tahun 1965. Di mana fungsinya sebagai menerbangkan doktor dan jururawat ke kampung-kampung pedalaman yang memberikan khidmat perubatan dan kesihatan.

Ia dikendalikan oleh pegawai-pegawai berkontrak dari Syarikat World Wide Helikopter.

Hanya pada Mac 1966 platun helikopter ditubuhkan dalam Askar Melayu Diraja Brunei ketika itu. Ia menggunakan pesawat jenis 'Westland Whirwind Series III, di mana

tiga orang juruterbang Askar British dipinjamkan sebagai perintis penubuhan platun helikopter.

Pada tahun 1968 platun helikopter telah menerima pesawat jenis 'Bell 206 Jet Ranger'. Tiga tahun kemudian platun ini juga menerima pesawat 'Hawker Siddeley 748' untuk penubuhan 'Sultan Flight'.

Selain kegunaan untuk kerabat diraja ia juga digunakan bagi gerakan penyelamat dan menghantar anggota AMDB ke Singapura dan Hong Kong yang menjalani latihan.

Di tahun yang sama pesawat 'Bell 212' yang menggunakan enjin kembar dua telah tiba bagi mengimbangi operasi Skuadron No 1. Di waktu ini juga lapan orang jurutera tempatan termasuk empat orang telah menamatkan kursus penerbangan di Kuala Lumpur.

Sementara dalam tahun 1973 dua orang juruterbang telah menerbangkan Bell 212 dari Singapura ke Brunei tanpa berhenti selama 5 jam 28 minit yang meliputi 762 batu notika. Mereka ialah Kapten Abd. Rahman bin Mustapha dan Kapten Alen Hopper.

Pada pertengahan 1974 dua orang anak tempatan, Kapten Pengiran Abidin dan Kapten Joclin telah berjaya memperolehi Lesen Juruterbang Perdagangan (CPL) dari England dan dilantik menjadi juruterbang orang-orang kenamaan.

Skuadron kedua tertubuh dengan tibanya dua pesawat B0105, yang dipasang di Munich berharga \$2 juta setiap satu. Pegawai memerintah pertamanya ialah Mejar Karim bin Sapar.

Kerajaan pada tahun 1980 dalam usahanya memantapkan lagi pentadbiran dan keupayaan Tentera Udara telah menubuhkan Unit Latihan Teknikal Udara dan Pengajian Penerbangan, ia diketuai oleh Mejar A E Potts.

Dua tahun kemudian dua buah pesawat jenis 'Siai Marchetti' telah tiba sebagai pesawat latihan yang sekaligus tubuhnya Skuadron No. 3 di bawah perintah Mejar Ibrahim bin Haji Mohammad.

Anak tempatan pertama memegang jawatan Pemerintah Cawangan Udara sebelum namanya ditukar menjadi Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada Januari 1984, ialah Brigedier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Abidin bin Pengiran Ahmad pada Mac 1982 sehingga sekarang. Kini TUABDB dikenali sebagai Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Berkenan menerima mengadap

Oleh
Abd. Karim HAB
dan
Hj. Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri dua orang duta asing ke negara ini.

Puan Ayako Nagai, isteri Tuan Yang Terutama Tuan Shigenobu Nagai, Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatan dan Puan Gerirud Brenile, isteri Tuan Yang Terutama Tuan Ingmar Brenile, Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap pada 10 April di Istana Nurul Iman.

Manakala Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri pula berkenan menerima mengadap pada 18 April lalu di Istana Nurul Izzah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Ayako Nagai, isteri Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Gerirud Brenile, isteri Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima mengadap Puan Ayako Nagai, isteri Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima mengadap Puan Gerirud Brenile, isteri Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam.

MENUNAIKAN IBADAT KORBAN MENEGAKKAN SYIAR AGAMA ISLAM

دربيتكن اوله جابتن فتراغن، جابتن فردان منتری دان دجيتق اوله جابتن فرچيتقن كراجان، كمنترین اوندغ ۲ نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.